



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HASHIM BIN LUDIN
TOKOH WAYANG KULIT KELANTAN**

OLEH:

**MOHAMMAD AFIQ BIN MOHAMED SOPIEE 2014987161
MOHAMAD AFIQ BIN HAMZAH 2014531695**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HASHIM BIN LUDIN
TOKOH WAYANG KULIT KELANTAN**

OLEH:

MOHAMMAD AFIQ BIN MOHAMED SOPIEE 2014987161

MOHAMAD AFIQ BIN HAMZAH 2014531695

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana memberi kami kesihatan yang baik unituk menyiapkan kerja berkumpulan ini pada masa yang telah ditetapkan serta diberikan olehNya kesempatan unituk berjumpa dengan individu yang berkaitan bagi menyiapkan itugasan ini.

Kami juga ingin meluahkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terhadap pensyarah yang kami sayangi iaitu Madam Nor Kamariah Binti Chik kerana memberi kami garis panduan serta nasihat dalam menyiapkan tugasan ini. Tanpa beliau, mungkin kami tidak dapat menyiapkan itugasan ini dengan jayanya. Selain itu, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Hashim bin Ludin (Pak Nik Mat) di atas perkongsian maklumat dan juga pengalaman beliau mengenai tajuk tugasan kami iaitu Dikir Laba.

Dalam menyiapkan tugasan ini, kami telah mendapat banyak ilmu pengetahuan yang berguna sepanjang menyiapkan tugasan ini. Walaubagaimanapun, tugasan ini tidak akan dapat diteruskan tanpa sokongan dan pertolongan daripada rakan-rakan, keluarga dan pensyarah yang disayangi. Akhir kata, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tugasan kami.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Wawancara ini adalah di antara Nik Mat bin Ludin bersama Mohammad Afiq bin Mohamed Sopiee dan Mohamad Afiq bin Hamzah mengenai Disebalik Kesenian Wayang Kulit dimana lokasi wawancara dijalankan di Kampung Kemasin, Bachok, Kelantan. Disebalik Kesenian Wayang Kulit dibahagikan kepada empat bahagian iaitu latar belakang tokoh, latar belakang wayang kuli, cerita rakyat dalam kesenian wayang kulit dan harapan tokoh. Tujuan penyelidik memilih Wayang Kulit sebagai tajuk kajian adalah kerana wayang kulit merupakan permainan tradisional yang mengisahkan beberapa hikayat-hikayat yang dapat menjadi pedoman kepada penonton serta bersesuaian dengan tema iaitu Cerita Rakyat Kelantan.*

Kata kunci: *Wayang Kulit, Pak Nik Mat, Cerita Rakyat Kelantan.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	iv
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Latar Belakang wayang kulit.....	40
Bahagian 3: Cerita Rakyat dalam kesenian wayang kulit.....	56
Bahagian 4: Harapan Tokoh.....	72
Lampiran	
Log Wawancara.....	80
Diari Kajian.....	92
Senarai soalan.....	94
Surat Perjanjian.....	101
Gambar.....	102
Sijil penghargaan.....	103
Indeks.....	108

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



1.	Nama Penuh	Hashim / Nik Mat bin Ludin
2.	Alamat surat menyurat	Kampung Kemasin, Perupok Bachok, Kelantan
3.	Tempat kelahiran	Kampung Kemasin
4.	Jantina	Lelaki
5.	Umur	63 tahun
6.	Ahli keluarga	Mempunyai seorang isteri, tiga anak lelaki, serta dua anak perempuan
7.	Hobi	Bermain wayang kulit
8.	Kerjaya	Penggiat seni wayang kulit

PENGENALAN

PENGENALAN

Wayang kulit adalah satu permainan tradisional rakyat Kelantan yang popular suatu ketika dahulu. Wayang kulit adalah satu bentuk persembahan teater menggunakan patung yang diperbuat daripada kulit lembu dan sebagainya. Bayang-bayang yang terbentuk daripada patung-patung kulit itu membawa pelbagai kisah dan jalan cerita yang mempunyai keistimewaan nya yang tersendiri dan kisah itu dibawa oleh seorang tok dalang.

Antara cerita rakyat yang terkandung di dalam seni wayang kulit adalah kisah Long Ghafar dan Long Yunus, Lagenda Puteri Saadong serta Hanuman Kera Putih. Di Alam Melayu, Wayang Kulit boleh didapati dalam beberapa jenis. Antaranya termasuklah Wayang Kelantan, Wayang Melayu, Wayang Purwo dan Wayang Gedek. Persembahan juga diiringi dengan alunan muzik. Bagi wayang Kelantan, ia juga dikenali sebagai wayang Siam. Ini kerana wayang kulit di ambil dari Siam dan dibawa masuk ke Kelantan oleh Long Yunus pada masa dahulu.

Antara penggiat seni wayang kulit Kelantan yang masih aktif pada masa sekarang adalah Pak Nik Mat. Pak Mat adalah ketua bagi Kumpulan Nik Mat Suara Emas. Minat untuk bermain wayang kulit sudah ada ketika beliau masih lagi kecil dengan hanya bermain wayang yang diperbuat daripada daun kayu. Selepas menyedari kebolehan Pak Nik, Ayah dan Ibu Pak Nik tidak menghalang beliau dari meminati wayang kulit. Bermula daripada situ, kebolehan Pak Nik bermain wayang semakin terserlah dan usahanya untuk bermain wayang membolehkan beliau menjadi salah seorang tok dalang yang terkenal di Kelantan mahupun negeri-negeri yang lain.

Pelbagai cabaran hidup yang di lalui oleh Pak Nik contoh nya, alatan yang di gunakan untuk bermain wayang diambil oleh orang lain, di sabotaj oleh orang lain, dan sebagainya sehingga terpaksa pergi meninggalkan kampung. Usahanya tidak berhenti di situ sahaja dan sekarang Pak Nik masih lagi aktif bermain wayang di Kelantan dan juga berusaha untuk mengekalkan kesenian wayang kulit ini tidak hilang begitu sahaja.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Pada hari ini 14 April 2016, hari Khamis jam 1.10 tengah hari. Saya Mohammad Afiq bin Mohamed Sopiiee dan rakan saya Mohamad Afiq bin Hamzah dari UiTM Kelantan, ingin menemu ramah saudara Nik Mat bin Ludin mengenai cerita rakyat disebalik kesenian wayang kulit. Temu ramah ini berlangsung di rumah beliau di Kampung Kemasin, Bachok, Kelantan. Tujuan temu ramah ini dijalankan adalah merupakan salah satu syarat untuk memenuhi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bagi semester ini iaitu semester 5, Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat. Jadi boleh kita mulakan sesi ini. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PNM: Pak Nik Mat

AS: Afiq Sopiiee

AH: Afiq Hamzah

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

AS : Apakah nama penuh Pak Nik Mat?

PNM : Bismilahirahmanirahim. Assalamualaikum w.b.t. Nama Pak Nik sebenarnya Nik Mat Bin Ludin. Dari *Kampung Kemasin* [Kelantan]. Poskod nombor *satu enam tiga kosong kosong* [16300]. Kat Perupok, Bachok Kelantan. Bermakna nya Pak Nik lahir di sini lah di *Kampung Kemasin* [Kelantan]. Jadi kalau hendak tahu kisah kehidupan Pak Nik, kita pergi *kut* [melalui] wayang dahulu. Hidup Pak Nik kan. Asal Pak Nik sebenarnya Pak Nik kelas *dua* [2] sekolah rendah di situ Pak Nik main dah wayang. Bermain wayang pun dia panggil main dengan daun kayu. Daun kayu ini daun macam daun jembak, daun besar-besar lah buat wayang. Jadi Pak Nik ini melukis wayang setiap tiap hari *kelik* [balik] sekolah,

Pak Nik buat wayang. Bila hari itu yang *followup* [ikut] Pak Nik nya abang Pak Nik meninggal dah nama Nik Weng. Dia *followup* [ikut] apa, *palu* [pukul] *kopi* [bekas tin] lah maknanya. Bila Pak Nik bermain wayang bukan besar atas-atas rumah macam ini, dibucu-bucu rumah Pak Nik gantung *kelir* [tabir] kain. Pak Nik duduk sorang diri dekat bucu macam itu (Pak Nik menunjuk arah dengan tangan) abang duduk dekat luar, abang tengah palu tin, tin *minyak bena* [minyak masak] yang sekarang ini *empat* [4] segi apa dahulu, ikat _ *minyak bena* [minyak masak] zaman dahulu. Dia tengah palu (Pak Nik membuat bunyian gendang) macam itu. Jadi Pak Nik bila bermain wayang daripada tiap-tiap malam, tiap malam, tiap malam itu abang duduk bermain (Pak Nik membuat bunyian gendang) macam itu lah. Ayah Pak Nik nama Ludin *sakni* [tadi], dia ini Tok Lebai lah kiranya. Tok lebai *duk* [yang] mengajar anak murid belajar mengaji. Dia duduk mengajar *Kampung Kemasin* [Kelantan] ini. Makna sejarah ini dia *kecek* [bercakap] dengan ibu, Pak Nik berdialog, “Anak kita ini nampak hendak layak wayang kulit”. Jadi sejarah Pak Nik ingat kenangan Pak Nik sampai ke hari ini nya, *Chik* [moyang] Pak Nik ini dia buat geduk. Buat dengan batang *nyior* [kelapa]. Adakan batang *nyior* [kelapa] dia potong, dia buang _ sebelah dalam kan, *dia* [moyang Pak Nik] ambil kulit lah. *Chik* [moyang] ini sejarah dia nya sebutir itu dah buat geduk (Pak Nik Mat membuat bunyi geduk). Bila Pak Nik itu umur 10 tahun, maknanya geng-geng dia panggil geng besar lah. Maknanya geng besar ini maknanya mudah-mudah besar-besar ini lah (Pak Nik menunjukkan saiz dengan tangan). Dia pun, Pak Nik berdialog, “Kalau macam ini kena bermain wayang rumah ke rumah”, dia kata. Dia *kelih* [tengok] Pak Nik ini hebat masa daun kayu itu.

AH : Berapakah umur Pak Nik pada masa itu?

PNM : Umur? Umur *sepuluh* [10] tahun. Jadi hebat sebab hebat ini, makna nya kumpulan kita macam ini dia berpakat. Ada lagi yang tidak meninggal pun ada itu bapa saudara sendiri yang tinggal belakang rumah ini. Masa itu *dia* [bapa saudara Pak Nik] muda sangat lah kiranya umur *dua puluh* [20] tahun. *Dia* [bapa saudara Pak Nik] berpakat kumpulan *dia* [bapa saudara Pak Nik] Pak Nik Mat berdialog, “Kita kena belajar wayang”.

AS : Adakah mereka itu kawan-kawan Pak Nik?

PNM : Makna pada masa itu, Pak Nik keseorangan. Selepas itu apabila budak, kita budak lagi umur puluh tahun. Dia itu umur *dua puluh* [20] tahun. Orang itu orang sini lah, tengah berpakat kumpulan dia, Pak Nik berdialog, “Kita ambil Pak Nik, kita buat bermain wayang rumah ke rumah”. Jadi belajar lah. Dia pun satu masalah juga ini pelik-pelik juga peringkat-peringkat dahulu kan, memang Pak Nik sendiri pun tengah fikir dalam kepala otak kan, dia boleh palu *menozik* [alat muzik wayang kulit] dengan tidak belajar. Yang itu *satu* [1] Pak Nik kaji sekarang tengah fikir lagu hulubalang, lagu perang nya lagu Mas Raja Numan makna nya dia palu. Masa itu apabila menjadi *panjak* [pemain alat muzik] budak-budak macam ini dia panggil *panjak* [pemain alat muzik] lah adik yang *malu* [pemukul gendang] ini. Jadi dia pun, apa dia *menozik* [alat muzik wayang kulit]? Guri, guri budu itu kan guri, guri tanah dia *jujuk* [susun] _ dengan tiub, tiub lori tiub kereta. Selepas itu gong, adakan (Pak Nik membuat demonstrasi bunyian gong) gong kan. Gong buat dengan nyior. Khetuk, kertuk. Kertuk kelapa lah makna (Pak Nik membuat demonstrasi bunyian kertuk) macam itu.

Pak Nik cerita betul lah. Selepas itu *Kesi* [alat muzik] macam itu loceng basikal kan loceng basikal yang *kreng-kreng* (Pak Nik membuat demonstrasi bunyian loceng) zaman dahulu kan dia sekeping-sekeping membuat *kesi* [alat muzik] (Pak Nik membuat demonstrasi bunyian kesi). Memang itu Pak Nik cerita dengan *tiada dongen* [cerita betul] lah itu.

AH : Tahun ke berapakah pada masa itu?

PNM : Masa itu Pak Nik lahir tahun *lima puluh satu* [51] Pak Nik umur *sepuluh* [10] tahun. Berapa? *Lima puluh sembilan* [59] kan? Tahun *lima puluh sembilan* [59]. Kan? Sebab banjir besar tahun *enam puluh tujuh* [67] itu Pak Nik bodoh lagi lah. Tidak *bini* [kahwin] lagi lah. Selepas itu main lah. Bermain memang rancak lah. Makna geduk ini guri. Guri ini kan. Kenal ke tidak guri? Guri zaman dahulu macam tempayan. Boleh baca kan? Tempayan ini besar, guri, guri ini serupa tempayan tetapi kecil. Dia membuat geduk lah. Dia *rambir* [lilit] dengan tiub lori. Tiub kereta lah. Jadi bunyi (Pak Nik membuat demonstrasi bunyian geduk). Dia palu tiub. Dia palu dengan ranting buluh ini. Ranting-ranting buluh ini dia kerat pendek-pendek kan. Buku kan, buku buluh. Itu sejarah Pak Nik. Selepas itu gong kelapa tadi kata *kertuk* [alat muzik] kelapa (Pak Nik membuat demonstrasi bunyian kertuk) lama dia main macam itu. Tetapi bukan dengan daun kayu dah. Kertas dah. Kertas buku buat tebal-tebal, kotak apa semua kita buat wayang dia kekal lah dahulu. Selepas itu, bila Pak Nik masuk umur *sebelas* [11] tahun. Betul. Sejarah Pak Nik umur *sebelas* [11] tahun Pak Nik tinggal kampung. Faham ke tidak Pak Nik tinggal kampung? Pak Nik tidak dekat duduk kampung ini dah. Makna Mak Pak Nik membawa Pak Nik pergi duduk *Kota Bharu* [Kelantan].

AS : Kira duduk dekat sana pula?

PNM : Betul dah. Pak Nik tinggal dah wayang ini. Selepas itu, wayang daun kayu, wayang kertas Pak Nik tinggal.

AS : Kota Bharu ini dekat mana tempat dia?

PNM : Pak Nik bermain kampung ini. Makna orang *padah* [ajak] Pak Nik orang tua-tua *duk padah* [mengajak] Pak Nik. Dia panggil *padah* [ajak] penganjur kan. *Dia* [penganjur] jual goreng pisang apa memang laku lah. Orang tengok Pak Nik daripada kecik lagi lah. Pak Nik pun tinggal kampung. Tidak duduk lah dekat kampung ini. Ini, tanah ini (Pak Nik menunjukkan arah dengan tangannya). Habis runtuh lantai rumah ini. Makna rumah Mak Pak Nik ini runtuh betul lah, runtuh tinggal tanah sahaja. Jadi Pak Nik duduk bersama dengan Mak di *Kota Bharu* [Kelantan]. Lama duduk di *Kota Bharu* [Kelantan]. Lama sangat lah. Duduk *Kota Bharu* [Kelantan] ini hendak beritahu cerita memang lama, kalau cerita wayang ini tidak lama. Apabila macam ini Pak Nik duduk *Kota Bharu* [Kelantan] lebih kurang setahun. Satu masa ini Pak Nik hendak balik. Pak Nik seorang diri. Pak Nik berdialog, “Aku hendak balik Kemasin lah”. Lama tidak jumpa dengan adik-beradik, ada yang ada itu dekat sini. Pak Nik berdialog, “Makna nya rasa kena balik”.

AS : Pada masa itu adakah Pak Nik sudah dewasa?

PNM : Umur *sebelas* [11] tahun lah. Pak Nik berkata hendak balik *Kemasin* [Bachok, Kelantan]. Pak Nik walaupun *umur baru* [muda] pun cerdik. Dia panggil pintar

orang kata. Tidak boleh balik lah. Bas pada masa itu *enam puluh* [RM0.60] sen daripada mana tetapi kita budak *tiga puluh* [RM0.30] sen lah. Balik *Kemasin* [Bachok, Kelantan] ini, ada panggung wayang. Hendak cerita. Panggung wayang orang tua lah ini. Depan mata panggung wayang. Duduk sebelah hilir. Depan mata panggung wayang itu. *Kelir* [tabir] ada semua *kelir* [tabir]. Pak Nik pun pergi tengok macam ini Pak Nik berdialog, “Siapa main wayang?”. Pak Nik pun pergi ke rumah abang yang kata Nik Weng. Dia *bini* [kahwin] sebelah ini (Pak Nik menunjuk arah rumah dengan tangan). Pergi rumah abang ini dia cakap, Pak Nik berdialog, “*Mu* [kamu] baru balik. Tidak payah balik Kota Bharu malam ini”. Pak Nik berdialog, “Ada apa?”, Pak Nik tanya. Pak Nik berdialog, “Wayang kulit”. Seminggu dah main. Pak Nik berdialog, “Wayang kulit apa?”. Pak Nik berdialog, “*Mu* [kamu] tidak tengok ke?” dia kata. Pak Nik berdialog, “Tengok”. Orang belajar. Orang belajar. Jadi yang belajar nama sama dengan Pak Nik nama Nik Mat juga. Orang kampung *Kemasin* [Bachok, Kelantan] lah nama Nik Mat juga orang. Nik Mat, Tuan Lah -. *Dua* [2] ini sahaja Tok Dalang belajar Nik Mat dengan Tuan Lah. Jadi apabila Pak Nik, apabila masuk waktu maghrib, Pak Nik pun pergi panggung wayang. Nampak ke tidak? Pak Nik pergi panggung wayang dan duduk sebentar, selepas itu Tok Guru pun sampai. Yang kata Tok Pak Da tadi (Pak Nik sendawa). Dia datang *empat* [4] *lima* [5] *enam* [6] orang bawa orang *menozik* [alat muzik wayang kulit] lah datang sebab duduk belajar bukan tidak pandai *menozik* [alat muzik wayang kulit] datang mengajar *menozik* [alat muzik wayang kulit] . Jadi Pak Nik pun pergi lah ke rumah sepupu Pak Nik nama Che Men orang panggil. Meninggal semua dah. Mereka nampak Pak Nik, Nik Mat ke Tuan Lah ke tidak kira siapa lah kan, dia nampak Pak Nik itu bising puak dia Tok Guru sampai. Tok Guru ini sampai. Dia datang

tiap-tiap petang lah. Dia beritahu kepada Tok Guru. Pak Nik berdialog, “Tok Do, Tok Dalang sedap ini”. Orang tidak percaya sebab Pak Nik budak. Pak Nik umur belasan tahun ini kira budak Pak Nik. Suka Tok Guru. Pak Nik berdialog, “Orang sedap macam mana pula?”. Pak Nik berdialog, “Ala Tok Do” kata puak-puak sini, Pak Nik berdialog, “Sedap Tok Do orang ini walaupun dia kecil jangan lah, main wayang memang sedap Tok Do”. Pak Nik berdialog, “Dia main mana”? Pak Nik berdialog, “Dia duduk main dengan daun kayu dengan kertas baru tinggal kampung ini”. Pak Nik berdialog, “Dahulu dia duduk main rata-rata *Kampung Kemasin* [Bachok, Kelantan]”, dia kata orang duduk jual goreng pisang. Pak Nik berdialog, “Kalau macam itu cuba malam ini”. Tok Guru kata, Pak Nik berdialog, “Cuba malam ini”. Siapa belajar. Kita. Dia kata “Nik Mat, jadi selepas ini nama Tuan Lah” dia kata yang belajar wayang ini. Pak Nik berdialog, “Saya tidak boleh Tok Do, sebab saya zaman budak dahulu memang boleh”. “Sebab lama tidak main bertahun-tahun takut tidak ingat”. Padahal Pak Nik ingat sahaja. Malam itu, abang tanya, Pak Nik berdialog, “*Mu* [kamu] hendak belajar wayang ke?” Kita ini semangat Pak Nik kata, Pak Nik berdialog, “Hendak juga”. Pak Nik berdialog, “Belajar macam mana?”. Pak Nik berdialog, “Kena cari *pengeras* [bayaran]”. Pengeras dia *dua belas* [RM12.00] ringgit berapa sen. Bawah punggung, lapik punggung kita, kain putih __ kain putih. Dia tahu kita tidak ada duit kan, Pak Nik berdialog, “Tidak mengapa lah abang semua, asalkan *mu* [kamu] hendak belajar” dia kata, Pak Nik berdialog, “Tidak mengapa”. Tidak ada lah. Malam nanti, selepas tabuh buka panggung *soleroh* ini, orang suruh Pak Nik masuk menghadap *kelir* [tabir]. Orang hendak *test* [uji]. Pak Nik bermain lah. Pak Nik bermain wayang malam itu, orang terus marah Pak Nik. Tok guru tidak marah, anak tok guru itu yang marah. Dia tok

dalang wayang juga anak Tok Guru nama Bakar. Nampak muka lain. Jadi, bermula pada malam ini bermain lah. Yang belajar terus tidak mahu belajar. Yang belajar dengar kata Nik Mat dengan Tuan Lah terus tidak mahu bermain. Itu sejarah Pak Nik. Bila tidak mahu bermain terus tidak mahu bermain. Tidak boleh hendak main. Pak Nik bermain lah. Sebab ini kata, Pak Nik bermain wayang dari budak tidak pernah Tok Guru pegang tangan, tidak pernah Tok Guru kata apa-apa. Sedangkan yang Pak Nik pula dia hendak belajar dengan Pak Nik maknanya. Bukan tipu adik ini. Yang Pak Nik bercakap wayang, bantah wayang Pak Nik, dia pula hendak belajar dengan Pak Nik. Anak Tok Guru ini. Tok guru hairan Tok Pak Do. Tidak sentuh langsung Pak Nik, tidak tegur. Bermain wayang dengan cara yang memang tidak boleh sentuh dengan perang wayang, dia pula hendak belajar dengan kita mainan ini maknanya. Ini sejarah Pak Nik sebenarnya. Selepas itu, bermain lebih kurang beberapa bulan orang ini *padah* [ajak]. Wayang besar dah. Orang *ajak sampai ke semut api* [ajak semua orang] (bunyi suara isteri Pak Nik). Orang *ajak sampai ke semut api* [ajak semua orang] sampai kemana-mana lah Pak Nik. Pak Nik tidak *jawi* [berkhatan] lagi tidak berkhatan. Orang zaman dahulu berkhatan umur tua adik. Tidak sama macam sekarang. Cuba tanya ayah-ayah kalau tidak percaya. Pak Nik umur buat kad pengenalan mula-mula tidak berkhatan lagi. Pak Nik beritahu ikhlas. Masa Pak Nik belum berkhatan Pak Nik bermain wayang rata-rata dah dahulu. Orang *padah* [ajak] main, orang kenduri anak kahwin ambik wayang Pak Nik. Sebab itu sekarang Wakaf Che Yeh, Batu 4 Kampung _ kan, wayang lain tidak boleh masuk adik. Sampai ke hari ini. Pak Nik dari budak duduk bermain Wakaf Che Yeh. Selepas itu, jadi macam *popular* [terkenal] lah naik sungguh lah Pak Nik daripada Pak Nik kecil. Naik sungguh-sungguh naik. Sebab itu Pak Nik tidak

perlu kerja apa-apa. Pak Nik tidak ada kerja. Cangkul tidak ada parang tidak ada. Golok ada lah buat *rait* [kikis] buluh. Baru tangan Pak Nik macam orang perempuan. Lembut. Selepas itu, apabila naik nama Pak Nik lebih kurang naik macam ini, Alhamdulillah lah. Tetapi Pak Nik kalau kira sejarah adik kalau hendak cerita sejarah Pak Nik hal Pak Nik kan memang dasyat adik. Dahulu Pak Nik bermain wayang walaupun Pak Nik timbul nama walaupun *popular* [terkenal], wayang Pak Nik tidak ada seorang pun, geduk gedombak pun tiada. Semua nya milik orang. Jadi bila semua milik orang dia macam ini, kalau manusia bila kita naik nama orang terus akan ada rasa hendak sabotaj. Pak Nik pernah bermain wayang kulit tidak sempat habis di satu panggung kampung orang, orang pergi hendak ambil gendang. Cakap benar. Masa itu basikal sahaja. Duduk di *Kemasin* [Bachok, Kelantan] ini hendak pergi bermain wayang di *Kota Bharu* [Kelantan] di *Pasir Hor* [Kota Bharu, Kelantan] dengan basikal sahaja Pak Nik dahulu. Betul adik bukan tipu. Selepas itu sampai, *panjak-panjak* [pemain alat muzik] juru muzik dia tidak balik. Adik kena faham zaman dahulu ini. Pak Nik berdialog, “Gendang tiada Mat” dia kata. Pak Nik berdialog, “Kenapa tiada gendang?”. Pak Nik berdialog, “Pemilik gendang sudah ambil”. Selepas itu hendak main macam mana wayang malam itu? Orang ajak. Bukan tipu orang ajak bermain di *Pasir Hor* [Kota Bharu, Kelantan]. Tetapi Pak Nik dari kecil lagi Pak Nik berkawan. Pak Nik kayuh basikal daripada *Pasir Hor* [Kota Bharu, Kelantan] sampai ke *Gunong* [Bachok, Kelantan]. Boleh bayangkan pergi cari gendang. _ _ Pak Nik jumpa dengan orang *Gunong* [Bachok, Kelantan], nama Hasan. Sekarang mungkin Hasan itu meninggal ke hidup Pak Nik tidak boleh hendak cakap. Pak Nik pergi jumpa dengan dia. Pak Nik berdialog, “Abang Hasan, Abang Hasan ada hendak jual gendang Abang

Hasan?”. Pak Nik berdialog, “Kenapa adik Mat?” dia tanya. Pak Nik berdialog, “Tidak, kalau ada hendak jual kita hendak beli”. Pak Nik berdialog, “Kalau hendak beli gendang Adik Mat, saya ada”. Pak Nik berdialog, “Gendang saya ada yang nak jual”. Sepasang gendang ibu dengan gendang anak. Pak Nik berdialog, “Berapa?”. Pak Nik berdialog, “*Lima belas* [RM15.00] ringgit”. Sepasang *lima belas* [RM15.00] ringgit adik kena faham zaman tahun 70 an. 70 an dah rasanya. Betul ke 70 an ke 60 an. Tidak ingat lah Pak Nik rasa 60 an macam ini lah. *Lima belas* [RM15.00] ringgit sepasang sekarang adik tahu ke tidak berapa harga gendang? *Tujuh ratus* [RM700.00] ringgit sepasang sekarang. Betul. Pak Nik pun bonceng gendang ikat dengan tiub atas basikal lah. Boleh bermain malam itu. Tidak sempat habis wayang pula adik hendak cerita betul, duduk sekejap orang pergi hendak ambil *amplifier* [pembesar suara]. *Amplifier* [pembesar suara] pembesar suara itu kan. Dahulu pembesar suara main wayang _ tersohor dah dahulu. Pak Nik duduk termenung. Dia tidak mahu kita bermain wayang ini. Ini celaka manusia. Tetapi Pak Nik degil. Tetapi Tuhan bagi Pak Nik. Pak Nik berdialog, “Ambil lah hak kamu”. Pak Nik bagi dekat dia. Meninggal semua dah Pak Nik cerita ini orang seberang ini sahaja. Orang mana? Orang kawan, sahabat Tok Guru tadi lah. Yang main serunai dia. Tok guru kita lah. Pak Nik termenung dekat panggung. Pergilah seorang hamba Allah nama apa tidak ingat dah. Abe Ta kalau tidak silap ke Pak Nik Weng macam itu lah. Pak Nik berdialog, “Pak Nik – Pak Nik *amplifier* [pembesar suara] kita tidak ada Pak Nik”? Dia kata, Pak Nik berdialog, “Kena ambil dekat *tuan* [pemilik pembesar suara]”. Pak Nik berdialog, “Hendak main macam mana malam ini Pak Nik?”. Bermain dekat *Pasir Hor* [Kota Bharu, Kelantan] banyak berlaku benda ini. Pak Nik berdialog, “Tidak mengapa lah, kita pergi ke rumah

orang yang baiki *amplifier* [pembesar suara] dengan jual *amplifier* [pembesar suara] ini kita pergi baiki dekat rumah dia". Di *Pasir Hor* [Kota Bharu, Kelantan] sebelah atas, nama dia tidak ingat dah. Dia pun pergi tidak lama selepas itu orang datang. Budak lagi lah nama tidak ingat. Baik sampai sekarang dengan orang ini tetapi tidak ingat nama.

AS : Orang yang baiki ini lah?

PNM : Dia baiki dengan jual. Dia sebenarnya bukan jual. Baiki sahaja.

AS : Apakah maksud Pak Nik dengan budak ini?

PNM : Iyalah. Dia kata, Pak Nik berdialog, "Ada *amplifier* [penguat suara] yang elok hendak jual *tujuh ratus* [RM700.00] ringgit" dia kata. Faham lah ya tahun 60 an *tujuh ratus* [RM700.00] ringgit benda elok ini adik. Benda betul-betul elok besar ini (Pak Nik menunjukkan saiz pembesar suara) faham ke tidak? Orang ambil besar ini (Pak Nik menunjukkan saiz pembesar suara). *Tujuh ratus* [RM700.00]. Jawab Pak Nik, Pak Nik berdialog, "Hendak ambil duit dekat mana hendak bayar kita bukannya ada duit". Masa kita budak-budak dahulu. Pak Nik berdialog, "Tidak mengapa lah, ada duit Pak Nik bayar kalau tidak ada pun tidak mengapa. Ada *seringgit* [RM1.00] bayar *seringgit* [RM1.00]". Pak Nik kata, Pak Nik berdialog, "Bawalah". Dia pun bawa pembesar suara. Dia bawa pembesar suara tidak tahu milik siapa _ *mapuh* [rosak]. Ambil *satu* [1] *mapuh* [rosak], ambil *dua* [2] *mapuh* [rosak] *speaker* [pembesar suara]. Rupa-rupanya tidak sepadan dengan *ibu* [pembesar suara utama]. Bila macam ini, dia buat

surat pergi beli *speaker* [pembesar suara] baru lah tahan lama. Tetapi sekarang Pak Nik tidak main benda ini dah. Selepas itu, *speaker* [pembesar suara] yang beli *tujuh ratus* [RM700.00] ini hancur lama dah. Terbakar sebab terkena air. Pak Nik bermain wayang di *Kota Bharu* [Kelantan] __ __, air tumpah atas *amplifier* [pembesar suara] (Pak Nik membuat bunyian benda pembesar suara meletup) macam bom lah. Meletup panggung wayang di Padang Istiadat dekat sana *Kota Bharu* [Kelantan]. Padang __. Tidak adalah. Pergi pinjam di sekolah. Yang *hello-hello* (Pak Nik membuat gaya bercakap guna mikrofon) sekolah ini lah. Sebab bermain dekat padang sekolah kan. Guru besar pun bawa sebab kerja dia bawa *speaker* [pembesar suara]. Tidak sedap bermain malam itu bunyi macam orang jual garam. Tetapi tidak ada masalah lah. Selepas itu bila kita semakin cerdik, semakin cerdik kita jadi kan, memang kita Pak Nik sekarang memang canggih main wayang __ __. Tiada ada seorang pun kalau hendak bandingkan Tok Dalang Wayang di *Kelate* [Kelantan] Pak Nik pergi tanya seorang demi seorang orang lain tidak guna *power amplifier* [penguat suara], *mixer* [pengadun muzik] tidak ada adik. Alat yang Pak Nik bermain pun *lima belas ribu* [15000] untuk suara Pak Nik sahaja. Dalam lah (Pak Nik menunjukkan arah bilik) pergi tengok kalau tidak percaya. Ada, buka lah pintu pergi tengok.

AS : Adakah Pak Nik menyimpan lagi alatan tersebut?

PNM : Memang Pak Nik guna untuk bermain wayang. Yang Pak Nik guna sekarang makna kita *glamour* [terkenal] tidak guna dah *amplifier* [pembesar suara] sekarang. Kita tidak guna dah. Kita guna *mixer* [pengadun muzik], *power*

amplifier [pembesar suara], *speaker* [pembesar suara] yang besar bawah ini (Pak Nik menunjukkan arah pembesar suara). *Speaker* [pembesar suara] buat bermain wayang lah ini. Ini *sebutir* [sebij] (Pak Nik menunjukkan arah pembesar suara). Angkat dua orang adik, seorang tidak mampu. Cuba pergi angkat kalau tidak percaya. Tidak mampu adik seorang, ini *dua* [2] sahaja. Maknanya sejarah Pak Nik zaman dahulu ini banyak cerita. Gong, gong orang pergi hendak ambil gong. Selepas itu, Pak Nik pula cari merata-rata gong. Orang hendak *mapuh* [jatuhkan] Pak Nik lah kiranya senang-senang *mapuh* [jatuhkan] lah. Kalau kita jual kedai kopi, orang hendak *mapuh* [jatuhkan] kedai lah. Contoh macam itu lah. Tetapi Pak Nik tidak meninggal kerana orang adik. Kalau kira Pak Nik patut meninggal kerana yang manusia buat dekat Pak Nik. Dah tengah duduk bermain wayang orang pergi hendak ambil gong. Habis itu hendak main wayang macam mana? Tetapi apabila orang ambil, kita pergi cari yang lain terus jumpa. Yang itu satu kelebihan Pak Nik. Pak Nik pergi dengan basikal kemana-mana, Pak Nik berdialog, “Ada ini gong *ambo* [saya] ambil lah *awe* [adik] kalau hendak main”.

AS : Maksudnya orang yang mengambil barang itu tidak dapat dijejaki?

PNM : *Dok* [tidak] dia ambil *hak* [milik] dia lah. *Hak* [milik] dia betul. Kita bagi dia ambil lah. Masa itu dia *pakat* [berpakat] tolong kita. Faham ke tidak? Hendak suruh kita naik, tolong lah. Bila tolong, kita naik nama *sengoti* [betul] dia dengki pula. Orang ini dia nampak kelebihan dia dengki pula. Dia memang macam itu. Selepas itu, serupa *panjak* [pemain alat muzik] wayang, *panjak* [pemain alat muzik] wayang yang __ __ semua orang *Kemasin* [Bachok, Kelantan] adik. Bila kita maju, semua orang terus keluar. Adik *cayo* [percaya] lah adik. Bila kita

maju kan, dia pun bercakap dengan kumpulan dia, Pak Nik berdialog, “Keluarlah, kalau ikut dia tidak naik lah wayang kalau duduk dekat duduk sini”. Adik nampak ke tidak? Tetapi tidak mengapa. Bila kita orang *glamour* [terkenal] orang beli tubuh kita. Kita pergi kampung orang, Pak Nik berdialog, “*Demo* [kamu] hendak *turut* [ikut] wayang *kawe* [saya]”. Sebab itu Pak Nik *so* [seluruh] Kelantan ini Pak Nik hendak beritahu *jong* [tukang] serunai Pak Nik *belako* [semua] *so* [seluruh] Kelantan ini. *Panjak* [pemain alat muzik] wayang tidak perlu *oyak* [cakap] hal Pak Nik, Tanah Merah ke tidak perlu cakap lah. Semua orang duduk dengan Pak Nik di *so* [seluruh] negeri Kelantan. Sebab itu Pak Nik *oyak* [cakap] siapa pun tidak perlu *oyak* [cakap] Pak Nik. Rantau Panjang ke *alok* [sebelah] *Siam Golok* [Thailand] mana-mana ke, semua orang pernah duduk dengan Pak Nik. Ini yang *menozik* [alat muzik wayang kulit] adik, Pak Nik pun cabar. Pak Nik cabar betul. Pak Nik berdialog, “Aku tidak *mapuh* [jatuh] wayang aku kerana mu”. Pak Nik beritahu *sengoti* [betul], ada dekat seseorang. Pak Nik berdialog, “Aku tidak *mapuh* [jatuh] wayang aku kerana mu”. Budak ini budak *Tawang* [Bachok, Kelantan], nama Mat Nor, sedap *menozik* [alat muzik wayang kulit]. Pak Nik berdialog, “Wayang kulit Nik Mat Suara Emas tidak *mapuh* [jatuh] kerana mu”. Mu tidak *turut* [ikut] wayang aku tidak *mapuh* [jatuh]. Pak Nik berdialog, “Aku malu apa kat mu”. Pak Nik berdialog, “Mu _ pun tiada _ tubuh mu”. Selepas itu wayang aku, kita sedap *bual* [bercakap] sebab semua hak kita. Geduk, gedombak, gong, gendang wayar seurat pun hak aku bukan hak orang lain. _ Dahulu, itu hak orang, ini hak orang kita pinjam-pinjam. Sebab itu kata Pak Nik kalau tidak ligat [cerdas] daripada budak, kalau Pak Nik hendak meninggal Pak Nik kata *pade* [cukup] lama dah Pak Nik tidak bermain wayang kulit adik. Sekarang barang-barang mahal. Pak

Nik beli masa itu murah-murah masa dahulu. Itu sejarah hidup Pak Nik. Dibuat hina orang, kena hina dengan orang lain. Tetapi, tidak mengapa lah. Jadi berbaloi lah kita sekarang. Memang macam itu adik walaupun dimana pun adik kalau naik orang *cantas* [sabotaj] adik. Tidak perlu risau lah adik. Macam kita kata, Pak Nik berdialog, “Suara Mas, setakat mana suara Mas”. Kalau hendak tahu, *belago* [lawan] lah dengan Suara Mas. Makna kalau kita kata macam itu. Ini, orang Suara Mas terus takut. *Dok* [tidak], betul adik. Sebab ramai dengar nama Suara Mas, _ . Pak Nik pernah cabar wayang kulit. Pak Nik berdialog, “Aku hendak main Wak Yah Samad Said kata dengan puak mu” kata macam itu. Pak Nik kata *sengoti* [betul]. Pak Nik berdialog, “*Dua* [2] jam persembahan *Samad, Said, Wak Yah, Eden empat ekor* [watak wayang kulit] ini aku hendak main aku hendak lawan dengan mu.” Kata macam itu. Pak Nik buat lawak jenaka *jak* [dari] pukul *sembilan* [9] *pah* [sampai] pukul *dua belas* [12]. Bermain lawak jenaka orang panggil kan. Itu sebab puak-puak lain tidak boleh *blako* [semua]. Yang hidup Samad, Said, Wak Yah yang hidupkan wayang kulit ini. Kalau tidak ada *demo* [mereka] itu tidak hidup.

AS : Pada tahun ke berapakah Pak Nik lahir?

PNM : Beranak ke? *Lima puluh satu* [51]. *Sembilan belas lima puluh satu* [1951] kalau tidak silap Pak Nik bulan *tiga* [3]. Tetapi *IC* [kad pengenalan] ada, rasa bulan *tiga* [3] rasa.

AS : *Asal silah* [salasilah] keturunan Pak Nik kan, ada ke tidak yang berasal daripada Siam?

PNM : Tidak. Pak Nik sebenarnya *tokseh* [keturunan arab]. Tok Pak Nik ini *tokseh* [keturunan arab]. Betul dah itu.

AS : Sudah banyak generasi lah?

PNM : Pak Nik *tokseh* [keturunan arab] sebab itu Mak Pak Nik macam *tokseh* [keturunan arab]. Mak Pak Nik baru sahaja meninggal. Baru-baru pun tahun *dua ribu tiga* [2003] dia meninggal. Sekarang Pak Nik ada *bara* [seiras] sikit. Kalau abang Pak Nik, Nik Weng ini macam *tokseh* [keturunan arab] betul lah.

AS : *Tokseh* [keturunan arab] yang kita tahu minat berniaga. Kira Pak Nik ada *nurun* [mengikut] *tokseh* yang jenis berniaga ke tidak?

PNM : Pak Nik pun asal berniaga juga. Walaupun wayang Pak Nik tidak berhenti main, Pak Nik berniaga. Dahulu Pak Nik bermain wayang tidak berhenti lah kan, turun panggung naik panggung kena faham lah. *Terengganu* [Malaysia], *Pahang* [Malaysia] memang Pak Nik bermain wayang itu, baru lah Pak Nik berniaga. Kadang-kadang Pak Nik beli langsung satu bukit. Pak Nik berniaga. Pak Nik ada kuli. Kuli guna van. Van *body* [badan] kayu lah zaman dahulu. Jadi siap wayang, Pak Nik pergi isi langsung di *Terengganu* [Malaysia]. Sejarah Pak Nik berniaga. Pak Nik isi langsung dua tiga *jog* [bekas] ini kan, Pak Nik balik lah. Pak Nik tidak pernah tidur seminggu ada. Muda dahulu. *Tolak* [jual] langsung lah.

Tolak [jual] duku dengan langsung dekat *Pasir Puteh* [Kelantan] ke mana-mana tidak kira lah. Petang Pak Nik kutip lah. Kutip-kutip duit. Selepas itu pergi bermain wayang. Selepas siap wayang pergi isi. Macam itu lah. Memang Pak Nik berniaga dahulu. Ayah Pak Nik tidak berniaga. Ayah Pak Nik kerja kampung. Tetapi dia bomoh juga ayah. Dia Tok Bomoh juga *mulloh* [Allahyarham] dia. Tok bomoh orang bengkak-bengkak, orang naik barah. Memang tok bomoh lah ayah ini. Bomoh orang sakit lah. Sebab itu yang bomoh ini mungkin *nurun* [mewarisi] ke Pak Nik lah. Pak Nik pun bomoh *sokmo* [selalu] adik. Kelmarin pun bomoh. _ pun sampai baru ini. Orang mana dah. Yang air tawar itu, air tawar. Orang yang sampai selepas itu dua buah kereta sampai. Orang *Pasir Puteh* [Kelantan].

AH : **Emak Pak Nik kerja apa?**

PNM : Mak ini tidak kerja apa-apa.

AS : **Adakah Pak Nik dengan abang Pak Nik lah menetap dua beranak?**

PNM : Dia *dua* [2] beradik lah Pak Nik dengan Nik Weng. Tetapi kalau dengan Mak lain ada lagi. Pak Nik ini dengan Mak lain tetapi adik beradik sama sahaja dengan ayah sama. Dengan adik beradik lain *tiga* [3].

AH : Adakah di dalam rumah ini pada masa itu?

PNM : Tidak. Rumah ini sebenarnya Pak Nik seorang sahaja sebab ini rumah Pak Nik.
Rumah Mak ini sudah tiada.

AS : Adakah abang Pak Nik juga tinggal dekat sini?

PNM : Abang dia *bini* [berkahwin] *alok* [sebelah] sana (Pak Nik menunjukkan arah rumah) *tembok* [jalanraya], *tembok* [jalanraya] dekat sahaja.

AH : Di manakah terletak rumah dengan emak Pak Nik pada masa itu?

PNM : Rumah dengan Mak dekat sini juga, Mak dahulu lah. Runtuh habis dah. Dia tinggalkan kampung. Mak lama tinggalkan kampung. Dia tinggalkan kampung semasa dia muda *benak* [sangat]. Sebab itu dia ambil Pak Nik pergi duduk dengan dia dekat Kota Bharu [Kelantan] itu. Dah tiada Mak *supo rata* [merata-rata] dah sekarang ini. Duduk dengan abang, duduk *sain* [kawan]. Tetapi masa itu tidak timbul *kuda* [pil kuda] lagi lah. Masa itu duduk berbual-bual dengan kawan atas wakaf macam *rata* [merata-rata] tidak ada Mak Ayah tetapi tidak jahat. Sebab *brehi* [suka] *menuntut* [cari ilmu]. Malam- malam jumpa orang itu selalu _ adik ini. Boleh cari ilmu Pak Nik dahulu.

AH : Adakah Pak Nik mempunyai *tiga* [3] beradik?

PNM : *Lima* [5] lah.

AH : Berapa orangkah anak Pak Nik?

PNM : Anak Pak Nik *lima* [5].

AS : Yang sulung?

PNM : Yang sulung lelaki umur barangkali *empat puluh* [40] lebih barangkali. Itu lah rumah dia anak sulung (Pak Nik menunjukkan arah rumah) itu belakang rumah ini sahaja. Adakan nampak itu.

AS : Yang kedua?

PNM : Yang nombor *dua* [2] lelaki juga. Selepas itu yang nombor *tiga* [3] itu lelaki juga nama perempuan nama Nik Suria. Selepas itu yang nombor *dua* [2] nama Nik Asmadi. Meninggal dah. Meninggal dah anak Pak Nik yang itu. Meninggal kena *AIDS* [Acquired Immune Deficiency Syndrome]. Yang itu seorang tidak *comel* [baik]. Yang itu seorang memang pelik *lajok* [sangat]. Pak Nik masuk *jel* [penjara] sekali. Pak Nik sendiri masuk *jel* [penjara].

AS : Adakah itu anak yang bongsu?

PNM : Yang bongsu Nik Suria itu bagus lah. Abang-abang dia bagus semua.

AS : Berapakah umur anak anak bongsu Pak Nik?

PNM : Yang bongsu sekali ke? Yang bongsu perempuan. Yang rumah tadi kan pintu terbuka itu. Nama Nik Fazila. Yang perempuan bongsu itu. Selepas itu, kakak kepada yang perempuan nama Nik Muharani duduk sebelah itu. Duduk dekat kampung ini juga, kahwin dengan orang sini.

AS : Maksudnya Pak Nik mempunyai *tiga* [3] anak lelaki, dua [2] anak perempuan?

PNM : *Yolo* [betul].

AS : Apakah nama isteri Pak Nik?

PNM : Isteri Pak Nik? Tadi Romlah binti Daud.

AS : Bagaiman ejaan Romlah? R-O-M? Romlah binti?

PNM : Daud.

AS : Adakah isteri Pak Nik bekerja sebagai surirumah?

PNM : Dia dahulu berniaga juga. Selepas itu Pak Nik tidak benarkan. Pak Nik suruh duduk dekat rumah sahaja.

AS : Adakah Pak Nik mengajar anak Pak Nik mengenai wayang kulit sejak dari kecil?

PNM : Macam Nik Kamarudin yang sulung itu pandai lah *menozik* [alat muzik wayang kulit] gedombak, gendang itu boleh. Turut wayang juga dahulu. Sekarang tidak dah. Dia memandu lori sekarang ini. Macam ini lah cerita.

AS : Adakah anak nombor *dua* [2] macam tidak ada minat terhadap wayang kulit?

PNM : Nombor *dua* [2] itu tidak minat langsung. Tidak *comey* [baik] sorang. Duduk main ikut _ dadah apa-apa lah. Jadi Pak Nik masuk *jel* [penjara] *smace* [selalu] anak Pak Nik. Orang lain tidak. Anak Pak Nik sahaja pelik.

AS : Pak Nik jenis yang macam mana? Adakah mahu sampai wayang kulit Pak Nik Suara Emas dikenali ramai? Walaupun orang *cantas* [sabotaj], Pak Nik tidak berputus asa?

PNM : Memang, tidak putus asa. Pak Nik sebenarnya *koho* [semakin] orang *cantas* [sabotaj] - Pak Nik sebenarnya walaupun orang *cantas* [sabotaj] Pak Nik *staro* [macam] mana pun, makna Pak Nik kira kekuatan Pak Nik mana-mana pun Pak Nik hendak membangunkan wayang kulit Pak Nik. Sebab utama sekali Pak Nik sayangkan nama. Bermakna nama Suara Emas bukan hendak beritahu adik, makna seluruh dunia lah kira mudah-mudah. Jadi kalau kita *mapuh* [jatuh]

permainan kita kerana orang, kita malu adik. Orang kata apa? Pak Nik berdialog, “Tidak ada *nele* [berani] bila aku ambil gendang aku, kau hendak main tidak boleh”. Kita jangan macam itu. Pak Nik rela, Pak Nik cari, rela Pak Nik beli. Tetapi benda yang Pak Nik dahulu yang Pak Nik seksa-seksa dahulu benda itu adik, semua dah tidak ada. Semua Pak Nik jual. Hendak beritahu cerita betul. Pak Nik tidak mahu bercakap bohong. Makna gedombak masa Pak Nik *dasyat* [seksa] dahulu Pak Nik jual. Gendang yang Pak Nik kata beli *lima belas* [RM15.00] *ya* [ringgit] tadi pun Pak Nik jual. Gong Pak Nik dahulu yang Pak Nik beli murah pun Pak Nik jual.

AS : Mengapakah Pak Nik menjual alatan wayang kulit pada masa itu?

PNM : Pak Nik jual sebab kita hendak duit. Terutama sekali kita hendak *koho comel* [semakin baik]. Terutama sini adik. Sebab orang bagi ini adik bukan benda *comel* [elok]. Adik kena faham dekat sini. Dia bunyi sahaja makna (Pak Nik membuat bunyian gendang) bunyi tetapi bila kita mengikut cara bila kita orang cerdik, apabila kita *besar molek* [cukup besar] kan, Pak Nik berdialog, “Tidak sedap bunyi gedombak aku bunyi macam burung batuk”. Contoh macam ini. Macam bunyi (Pak Nik membuat bunyian gendang) makna macam burung batuk, kita pun jual. Jadi kita cerdik ini, kita campur dengan duit pun ada, kita cari benda yang canggih-canggih. Biar orang tengok, Pak Nik berdialog, “*Comey* [canggih] alat dia mahal”. Makna alat itu *demo* [mereka] *ngiling* [geleng kepala] dah. Begini cara dia. Angin Pak Nik sini. Selepas itu wayang Pak Nik masa dahulu kan, semua Pak Nik jual. *Tiga* [3] panggung dah Pak Nik jual wayang. Wayang Pak Nik jual masa Pak Nik bermain mula-mula dahulu

mula kata Pak Nik masa *dasyat* [seksa] kan, Pak Nik jual semua. Pak Nik jual kepada pejabat. Kepada pejabat atau Kuala Lumpur tidak ingat dah. Memang Pak Nik jual lah. Selepas itu, *tiga* [3] panggung dah Pak Nik jual wayang. Wayang Pak Nik *tiga* [3] panggung. Cukup lengkap wayang itu jual. Tetapi *pitih* [duit] lah belas-belas ribu kita jual bukan *seribu* [1000]. Tetapi tidak mengapa lah jual sebab Pak Nik boleh buat sendiri. Wayang kulit Pak Nik buat sendiri. Kita jual itu kita boleh buat sendiri lah. Sebab buat sendiri pun atas kemahiran juga. Dahulu pun Pak Nik tidak pandai buat wayang. Jadi bila kita belajar. Belajar ukiran.

AH : Adakah pada masa lapang Pak Nik membuat wayang kulit?

PNM : Buat. Memang Pak Nik buat. Kadang-kadang malam pun tidak tidur buat
: wayang.

AH : Sekarang kalau Pak Nik membuat wayang kulit, adakah Pak Nik turut menjualnya juga?

PNM : Pak Nik jual sekarang. Memang Pak Nik jual. Orang datang beli. Kadang-kadang orang beli *empat* [4] *ekor* [watak wayang kulit], *empat* [4] ribu orang hendak jual kena yang *Kera Putih* [watak wayang kulit]

AS : Adakah mengambil masa yang lama membuat watak wayang kulit?

PNM : Dia seekor ini adik kalau kita buat *sengoti-sengoti* [betul-betul] *tiga* [3] hari.

Alat Pak Nik buat Pak Nik _ kan? Itulah alat menetas wayang Pak Nik. *Tiga* [3] perkara ini sahaja. Pahat penebuk, pahat. Tetapi penat *kakloh* [sangat] lah. Itu adalah yang tidak cat lagi, ada itu yang belum cat lagi ada, yang sudah cat pun ada, yang tidak *kapit* [kepit] macam-macam ada.

AS : Adakah Tok Dalang yang lain-lain datang meminta watak wayang kulit dengan Pak Nik juga?

PNM Dia tidak ada macam ini adik. Kadang-kadang ada juga Tok Dalang wayang pun ada yang, Pak Nik berdialog, “Buat wayang *kawe* [saya] *dua belas* [12] *ekor* [watak wayang kulit]”. Pak Nik kata, Pak Nik berdialog, “Mari duit lah”. Tidak bagi duit Pak Nik tidak buat. Dia *gamok* [ingat] wayang kulit macam buat lempeng. Ada adik. Pak Nik berdialog, “*Kawe* [saya] hendak cukup lengkap layak serama dengan Pak Nik berapa Pak Nik harga?”. Kita pun dengan kawan kita kira murah-murah. Kita kata itu murah dah dengan kawan kan, cari duit. Duit ini adik bukan hendak beritahu *dua* [RM2000.00], *tiga* [RM3000.00], *empat* [RM4000.00] ribu ini susah. Adik kena faham ini adik. *Seratus* [RM100.00] mudah adik. Betul tidak? *Seratus* [RM100.00] *ya* [ringgit] ini mudah, *seribu* [RM1000.00] susah. *Sejuta* [RM10000000.00] payah ribu mudah. Adik faham sendiri lah adik kena fikir macam itu. Selepas itu dunia sekarang kalau tidak bermain mengikut cawangan, ikut cawangan lah kan, *sponsor* [tajaan] kan payah duit. Lagi-lagi orang kampung kan. Tok Dalang wayang duduk dekat kampung. Kan kita kenal dia. Susah adik.

AH : Apakah kenangan pahit Pak Nik seperti kena khianat dengan orang lain?

PNM : Kenangan pahit zaman Pak Nik belum masa Pak Nik maju *mulo* [dahulu] habis *dasyat* [teruk] adik. Pak Nik pernah *teriok* [menangis] dengan air mata naik basikal dah benda *sengoti* [betul]. Dah hendak bermain wayang sepanggung tidak siap lagi, baru main *dua* [2] malam. Sampai dekat panggung petang-petangan, *panjak* [pemain alat muzik] kita itu, nama Long Muda sudah meninggal juga dia. *Panjak* [pemain alat muzik] Pak Nik ramai yang sudah meninggal dah. Dia kata, Pak Nik berdialog, “Orang datang ambil gendang”. Gendang siapa? Pak Mud. Memang Pak Mud lah kita pinjam gendang dia, Pak Mud. Pak Mud pun sudah meninggal. Pak Nik berdialog, “Tidak mengapa lah”. Pak Nik pun *gatih* [kayuh] basikal daripada *Kota Bharu* [Kelantan] ke *Gunong* [Bachok] ini jauh adik. Masa itu jalan bukan macam sekarang. Kan? Jalan zaman dahulu bukan macam sekarang. (Pak Nik membuat bunyian) *kut-kut* [melalui] Binjai, sungguh. Ambil gendang *lima belas* [RM15.00] *ya* [ringgit] sepasang ini mahal zaman dahulu rasa. Orang zaman dahulu jual *lima belas* [RM15.00] *ya* [ringgit] ini rasa mahal dah. Faham kan adik? Allah, kalau kita hendak banding dalam *lima belas* [RM15.00] *ya* [ringgit] apa dia rokok ini (Pak Nik menunjukkan kotak rokok) *tujuh belas* [RM17.00] *ya* [ringgit] sebungkus. Kalau kita hendak banding adik, *lima belas* [RM15.00] *ya* [ringgit] sepasang Pak Nik bayar. Bermakna kita buat balik dekat panggung berapa habis *lima belas* [RM15.00] *ya* [ringgit]? Ada juga yang kata, Pak Nik berdialog, “Mahal juga ya”. *Lima belas* [RM15.00] *ya* [ringgit] itu mahal juga itu ada, padahal kalau kira sekarang *tujuh ratus* [RM700.00] sepasang adik gendang. Sekarang gedombak, *enam ratus* [RM600.00], *enam ratus* [RM600.00] gedombak (Pak Nik membuat

demonstrasi bunyian gedombak). Tetapi hendak cerita, Pak Nik masa itu Pak Nik memang *dasyat* [seksa] lah sedih *lajok* [sangat]. Memang bukan kata sekali orang *buat* [sabotaj] Pak Nik, banyak kali. Bermain di *Besut* [Terengganu] pun Pak Nik berlaku. Di belakang Balai Polis *Semerak* [PasirPuteh] itu panggil kampung apa dekat dalam Tok _ Pak Nik berlaku. Selepas ini bermain di Kampung Balai Siam tempat naga tadi kan di padang, orang *Siam* [Thailand] panggil main lah, pun Pak Nik berlaku. Pak Nik maju, maju, maju, Pak Nik tinggal wayang, Pak Nik tinggal wayang *tiga* [3] tahun adik. Yang tadi setahun tadi masa kita budak. Yang Pak Nik besar dah. Pak Nik boleh anak seorang Pak Nik tinggal wayang *tiga* [3] tahun Pak Nik *mecok* [merajuk] ke *panjak* [pemain alat muzik]. *Panjak* [pemain alat muzik] wayang yang (Pak Nik membuat bunyian muzik) dia panggil *panjak* [pemain alat muzik]. Orang sini semua *panjak* [pemain alat muzik] adik. Dia macam ini adik -, masa itu *rambung Siam* [penari tarian Siam], *rambung Siam* [penari tarian Siam], *rambung Siam* [penari tarian Siam] ini kan (Pak Nik membuat bunyian muzik) *rambung Siam* [penari tarian Siam] yang bermain di _ Siam yang kerja di _ Siam ini banyak mainan. Jadi semasa itu adik, Pak Nik tengah bermain wayang, bermain wayang Pak Nik ucap hendak *perang* [perang wayang] itu *senyap sedu* [diam membisu]. Pak Nik malu juga. Pak Nik ucap hendak bermain wayang itu *senyap sedu* [diam membisu]. Masa itu, Pak Nik baru-baru pandai wayang kulit bukan *glamour* [terkenal] lagi baru-baru pandai. Bila *senyap sedu* [diam membisu], Pak Nik *paling* [tengok] tidak ada seorang pun. *Panjak* [pemain alat muzik] wayang tidak ada seorang pun. Semua orang sini. *Lekat jong* [tinggal juru] serunai seorang sahaja. Pak Nik duduk termenung. Nampak kan adik duduk termenung. Pak Nik pun tinggal wayang daripada kata _ tadi tempat naga itu, *tiga* [3] Pak

Nik tidak bermain wayang.

AS : Kenapa dia buat macam itu, sampaikan tidak ada orang?

PNM : Dia macam ini adik. Bila *rambung Siam* [penari tarian Siam] duduk menari (Pak Nik membuat bunyian muzik) *menate* [binatang] puak-puak lelaki kita sebab puak *gelenya* [gatal] semua. Nampak kan? Sebab wayang ini wayang kita ini dia panggil macam wayang tidak *glamour* [terkenal] lagi lah mudah-mudah adik kan. Bermain wayang itu main wayang tetapi tidak *glamour* [terkenal]. Jadi bila tidak *glamour* [terkenal] dia panggil tidak ada _ sangat lah. Tetapi bodoh dia panggil disiplin itu kan. Tidak macam sekarang memang kita marah lah. Pak Nik pun, Pak Nik berdialog, “Tidak mengapa lah dah orang tidak hendak main wayang tidak mengapalah”. Pak Nik pun tinggal wayang *tiga* [3] tahun adik Pak Nik pergi duduk *Kuantan* [Pahang]. Duduk *Kuantan* [Pahang] duduk *motong* [toreh] getah di *Kuantan* [Pahang], Kampung Jabur. Sejarah Pak Nik itu. Pak Nik tinggal *tiga* [3] tahun Pak Nik pergi duduk *Kuantan* [Pahang]. Pak Nik duduk di *Kuantan* [Pahang] maknanya Pak Nik itu makin besar *glamour* [terkenal].

AH : Adakah Pak Nik seorang? Membawa diri seorang pada masa itu?

PNM : Bawa *bini* [isteri] anak pergi. Pak Nik tidak tinggal anak *bini* [isteri] Pak Nik walaupun Pak Nik, Pak Nik bawa anak Pak Nik selepas *empat puluh* [40]. Nik Kamarudin yang sulung. Selepas itu, bila Pak Nik tengah *motong* [toreh] getah dekat *Kuantan* [Pahang] itu kan, tidak boleh *motong* [toreh] macam Pak Nik ini.

Motong [toreh] itu pandai sebab belajar kan tetapi, tidak sesuai dengan kerja Pak Nik. Pak Nik pun tidak sampai banyak bulan *motong* [toreh], kena faham lah. Sambil ulang-alik itu, kawan-kawan *Kota Bharu* [Kelantan] itu kan kawan-kawan Pak Nik yang lama-lama kan, yang *gedebe-gedebe* [berani-berani] *Kota Bharu* [Kelantan] dia dengar Pak Nik duduk *Kuantan* [Pahang], dia pergi cari. Kawan-kawan Pak Nik memang orang turun timbul adik bukan hendak beritahu lah.

AS : Adakah yang bermain wayang kulit juga ada orang tidak baik?

PNM : Bukan. Macam kaki ini lah, kaki jahat. Tetapi kaki jahat tidak boleh main dengan Pak Nik. Bukan hendak beritahu adik, tetapi Pak Nik ini sebenarnya hendak beritahu, tetapi Pak Nik jahat ini. Orang jahat-jahat dengan Pak Nik ini dia malu dengan Pak Nik. Adik kena faham. Jadi dia tahu Pak Nik duduk di *Kuantan* [Pahang], dia pakat pergi cari. Jumpa lah. Jumpa itu tidak boleh lah tidak *motong* [toreh] getah. Dia kata, Pak Nik berdialog, “*Gih* [jom] ke *Kuantan* [Pahang]”. Kita angin tidak *comel* [baik] juga. Faham kan ini adik? Pak Nik berdialog, “Kita pergi buat apa *Kuantan* [Pahang]?”. “Marilah”. Masa itu bukan pangkat Pak Nik lagi, pangkat *demo* [kau] *kawe* [aku] masa itu sebab sama-sama budak semua. *Tubik* [keluar] *Kuantan* [Pahang] *nak* [setiap] malam, *nak* [setiap] malam, *nak-nak* [setiap] malam *Kuantan* [Pahang]. *Kuantan* [Pahang] itu hotel lah *Kuantan* [Pahang] kan Hotel Bunga Raya lah hotel ini, ini lah, ambik perempuan bawak pergi *Pantai Chempedak* [Pantai Teluk Chempedak] lah apa lah cakap betul ini. Tidak mengapa kita *direct* [terus] sahaja ini. Masa itu umur Pak Nik rasanya *sembilan belas* [19] kalau tidak silap Pak Nik. Betul dah rasa

nya. Umur *sembilan belas* [19] masa itu ambil perempuan pergi Pantai Chempedak, kawan. Gila orang panggil gila babi. Tidak *motong* [toreh] getah Pak Nik. Pak Nik pun ambil bini ambil anak pergi duduk kat *Besut* [Terengganu]. Tidak balik dekat rumah ini, tidak balik *Kota Bharu* [Kelantan] . Pak Nik beli rumah dekat *Kota Bharu* [Kelantan] . Dalam Rhu *Besut* [Terengganu]. Bukan rumah adik, bangsal. Tahun 70 an mana ada rumah masa itu. Semua orang tidak ada duit masa itu. Tidak payah hendak cakap dekat Pak Nik. Kan? Pak Nik beli bangsal sebab bangsal orang panggil rumah zaman dahulu. Pak Nik duduk *Besut* [Terengganu], Dalam Rhu. Lalu, Pak Nik bermain wayang balik sampai hari ini pun ada kes ini adik. Ada kes adik. Hendak tahu cerita Pak Nik boleh lah hal wayang kulit. Apabila *ritu* [hari itu], bila *ritu* [hari itu] duduk *Besut* [Terengganu] Pak Nik pun *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat]. Adik tahu *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat]? *Mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] ini orang ke laut lah. *Dua* [2] tahun adik. Setahun Pak Nik *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat]. Duduk dekat laut. Sebulan balik sekali. Pulau Perhentian. Tahun *tujuh puluh* [70] betul-betul. Beritahu ikhlas, tahun *tujuh puluh satu* [71], *satu* [1] haribulan *satu* [1] tahun *tujuh puluh* [70] Pak Nik duduk di Dalam Rhu *Besut* [Terengganu]. Sampai hari ini kalau Pak Nik pergi, seluruh dunia kampung ini lah kira nya, orang nampak muka Pak Nik pun semua kenal sebab lama duduk dekat situ. Isteri Pak Nik yang kata bawa anak Nik Kamarudin duduk dekat situ lah. Pak Nik *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] setahun, Pak Nik tidak duduk dengan orang. Orang duduk dekat bawah atas motor ini kan, Pak Nik duduk atas __, __ tahu ke adik? __ dekat atas. Adakan kalau kira rumah itu *rabung* [puncak bumbung rumah] lah. __ dekat atas. Pak Nik tidak duduk dengan orang dekat bawah. Malam-malam sebelum *mukat*

[memukat], Pak Nik menyanyi. Menyanyi wayang kulit. Jadi ada budak seorang bernama Nawi. Budak lagi dia duduk bawah ketiak Pak Nik. Masa itu Nawi ini rasa tidak *jawi* [berkhatan] lagi rasa nama Nawi tetapi, budak itu ada lagi. Duduk dengan Pak Nik lah duduk bawah ketiak setiap malam, setiap malam Pak Nik jaga dia takut orang *behe* [baham] dia lah. *Mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] ini jahat macam dalam *jel* [penjara] juga. Mukat jerut dia ramai beratus-ratus orang. Jadi, dia duduk dengan Pak Nik. Pak Nik duduk bermain wayang, Nawi ini bertanya kepada Pak Nik. Ini sejarah ini. Pak Nik berdialog, “Abang Mat, Abang Mat ini pandai main wayang ke?” Nawi tanya. Pak Nik berdialog, “Tidak pandai *Wi* [Nawi]”, Pak Nik cakap dekat dia. Pak Nik berdialog, “*Ambo* [saya] dengar Abang Mat menyanyi wayang kulit ini serupa Dollah” *dia* [Nawi] kata. Dollah Baju Merah kan Tok Dalang wayang kulit kan. Meninggal dah Abe Lah. Orang *sohor* [terkenal] dekat Kelantan ini Dollah Baju Merah ini. Adakan Baju Merah dalam sejarah ada.

AS : Apakah sebab apa dapat Baju Merah?

PNM : Baju Merah ini *Agong* [Yang Di-Pertuan Agong] bagi baju dekat dia. *Agong* [Yang Di-Pertuan Agong] masa sejarah tahun 60 an. Selepas itu, malam-malam Pak Nik menyanyi wayang kulit. Menyanyi wayang kulit, Nawi duduk main macam itu lah, Pak Nik berdialog, “Abang Mat pandai main wayang” *dia* [Nawi] kata. Pak Nik berdialog, “Sebab Abang Mat menyanyi wayang serupa Dollah” *dia* [Nawi] kata. Dia tidak *kabar* [perasan] Pak Nik dengan Dollah ini macam ini (Pak Nik menunjukkan isyarat tangan). Pak Nik dengan Dollah sebenar macam Tok Guru *sengoti* [betul]. Dah Pak Nik belajar dengan *dia*

[Dollah Baju Merah] *sengoti* [betul] menyanyi wayang kulit. Dengan Abang Lah sungguh. Pak Nik berdialog, “Serupa Dollah. Sedap Dollah ini”, dia kata macam itu. Jadi hendak dipanjangkan cerita ini adik, bila macam ini satu kali itu naik *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] dia pagi, ada manusia itu nama Rashid. Rashid masih ada lagi adik. Orang *Semerak* [Pasir Puteh]. Dia peringkat Pak Nik lah. Dia *agah* [sombong] Rashid ini orang *gedebe* lah. Pak Nik masa itu masa *comel* [baik] juga itu. Masa muda-muda *comel* [baik] *lajok* [sangat] Pak Nik ini. Macam *DJ Dave* [penyanyi terkenal era 70 an] orang kata dahulu Pak Nik rambut panjang *sekat* [tahap] ini rambut Pak Nik (Pak Nik menunjukkan rambut). Ada dalam gambar pergi lah tengok. Gambar-gambar Pak Nik muda dahulu. Masa tua dah itu. Bila *rini* [macam ini] kan, jadi Rashid dia orang *gedebe* [berani]. Dia tengok Pak Nik macam ini (Pak Nik membuat isyarat mata). Dia tengok macam hendak marah lah. Orang *gedebe* [berani], dia tengok kita *gedebe* [berani], dia tengok kita nampak *semak* [kemas] dia *agah* [sombong] kan. Tadi Pak Nik cerita dah. Orang Nik, Nik ini orang *bekeng* [garang]. Hendak beritahu hendak keluar lah itu kan. Pak Nik pun, Pak Nik berdialog, “*Menate* [binatang] kurang ajar”. Pak Nik terus pergi cari. Hendak beritahu cerita orang Nik ini pelik kan? Jumpa dengan *dia* [Rashid] duduk dekat rumah orang bujang. Kata Rashid tadi. Pak Nik pun naik atas rumah orang bujang. Pak Nik pergi naik, Pak Nik cuit *dia* [Rashid]. Pak Nik berdialog, “Hey”, Pak Nik kata. Pak Nik berdialog, “*Bakpo* [kenapa] mu *kelih* [tengok] aku?”. Cakap macam itu, Pak Nik berdialog, “*Bakpo* [kenapa] mu *kelih* [tengok] aku?”. Pak Nik hendak betul itu, Pak Nik berdialog, “*Bakpo* [kenapa] mu *kelih* [tengok] aku?”. Pak Nik tidak tahu dia siapa-siapa. *Dia* [Rashid] kata, Pak Nik berdialog, “Maaf lah” dia kata. Pak Nik berdialog, “Minta maaf lah *ambo* [saya]

mengaku *ambo* [saya] tengok sungguh”. Pak Nik berdialog, “Selepas itu, kenapa kau tengok aku, aku nampak macam kau *hendak* [tidak puas hati] sahaja dekat aku?”. Macam ini. Sebenarnya *dia* [Rashid] cakap macam ini kalau *dia* [Rashid] tipu, ikut dia lah. Pak Nik berdialog, “Sebenar *ambo* [saya] tengok macam ini, *ambo* [saya] nampak Pak Nik *semak* [kemas]”, *dia* [Rashid] kata. Pak Nik berdialog, “Bila nampak *semak* [kemas] itu *ambo* [saya] tengok”. Pak Nik berdialog, “Comel dia ini”. Pak Nik kata, Pak Nik berdialog, “Kalau ayat *demo* [kau] macam ini tidak mengapa lah, terima kasih”. Dah *demo* [mu] niat dia lain kata macam-macam lah dia. Jadi hendak beritahu cerita kes juga ada Pak Nik bermain wayang ini. Pelik betul benda ini. Dia balik dari *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] dia sebulan naik sekali. *Mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] ini sebulan sekali. Jadi Pak Nik naik, dia naik. Yang kata Rashid tadi. Tetapi jadi kawan dengan Pak Nik sekarang.

AS : Ada orang tersebut masih hidup?

PNM : Ada. Dia sekelas dengan Pak Nik, samalah. Umur sama. Dia pun naik dari *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat], dia pergi jumpa dengan Tok Do ini Tok Imam, Tok Imam ini datuk Pak Nik. Pak Nik tidak kenal datuk Pak Nik. Tok Imam yang duduk *Semerak* [Pasir Puteh] itu, tetapi Pak Nik tidak kenal. Tetapi Mak ini selalu pergi, tetapi kita yang tidak peduli. Jadi Rashid ini dia orang *gedebe* [berani] di kampung itu. Orang menang lah mudah-mudah kan. Datuk ini pun orang *gedebe* [berani] juga di kampung ini. Datuk saudara ini orang *gedebe* [berani]. Apa dah hendak cakap, dia Tok Imam lagi, dia pun orang *lokek* [kedekut] datuk ini. Orang dia pun takut *kakloh* [sangat]. Nama dia Tok Loh Kar

orang panggil. Dia beritahu datuk tadi lah. Dia tidak tahu kita ini cucu tok saudara. Buat ke hendak jadi _ . Dia kata, Pak Nik berdialog, “Tok Do, Tok Do”. Ada budak seorang nama Wan Mat” dia kata. Pak Nik berdialog, “Bekeng Tok Do”. Hendak beritahu sejarah adik ini. Tok Do pun tanya, Pak Nik berdialog, “Budak mana?”. Dia tanya khabar orang dia kata budak *Bachok* [Kelantan]. Dia tanya khabar orang dia kata budak *Bachok* [Kelantan] nama Wan Mat. Memang Pak Nik dahulu tidak beritahu nama sebenar Nik Mat. Pak Nik kata Wan Mat. Pak Nik *susuk* [sembunyi] juga nama. Jadi, Pak Nik berdialog, “Budak Bachok [Kelantan] nama Wan Mat? Pak Nik berdialog, “Kalau nama Nik Mat cucu aku”. Pak Nik berdialog, “Tetapi dia kata aku tidak pernah tengok dia”, Tok Do kata. Pak Nik berdialog, “Tetapi mak dia selalu datang rumah aku. Sebab mak dia ada beritahu kalau Nik Mat ini”, maaf adik kena faham kan. Pak Nik berdialog, “Kalau Nik Mat itu kalau hendak ikut mak dia kata bekeng juga”, Tok Do kata. Dia beritahu ini. Takut Nik Mat *Kemasin* [Bachok], Nik Mat *Kemasin* [Bachok] kata datuk kata *bekeng*. Pak Nik berdialog, “Cucu aku ini bunyi khabar”, dia kata. Pak Nik berdialog, “Tetapi wayang kulit *biso* [hebat] benar”, kata nya datuk tadi. Kalau Nik Mat ini wayang kulit *biso bedo'oh* [terlalu]. Dia kata, Pak Nik berdialog, “Cik, mu turun bulan ini cuba mu tanya dia”. Dia ajar Rashid, Pak Nik berdialog, “Mu tanya dia nama apa, dia pandai ke tidak main wayang”. Rashid pun turun bulan kedua sebab selalu jumpa sebab pulau kan. Jadi kawan dah dengan Pak Nik, Rashid ini. Rashid kata, Pak Nik berdialog, “Mat, Mat” dia kata. Pak Nik berdialog, “Mat ada datuk ke dekat kampung *Semerak* [Pasir Puteh]?”. Kata, Pak Nik berdialog, “Tiada”. Pak Nik berdialog, “Nama apa” kata, Pak Nik berdialog, “Pak Muda Ka”. Pak Nik berdialog, “Ada” dia kata. Dia beritahu, Pak Nik berdialog, “Nama apa sebenar

Mat?”, Rashid tadi. Pak Nik berdialog, “Yang sebenar, *Sid* [Rashid] kawe hendak beritahu *demo* [kau] nama *kawe* [saya] bukan Wan Mat itu tetapi nama Nik Mat”. Pak Nik berdialog, “Mak nama apa?” dia kata. Sebab datuk pun dah beritahu dia, beritahu betul-betul lah. Pak Nik berdialog, “Mak nama Nik Mak Nah”. Dia kata balik *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] naik ini kan, dia suruh pergi ke rumah *dia* [Tok Do]. Makna datuk suruh pergi ke rumah dia lah. Hendak bagi jelas betul ke tidak betul. Jadi kita pun kena *pakai* [ikut] juga orang tua kan. Jadi Pak Nik naik *mukat* [memukat] *jerut* [mengikat] yang kedua Pak Nik pergi lah. Pergi tanya lah, macam ini, macam ini. Cakap betul lah. Kata, Pak Nik berdialog, “Boleh juga wayang Tok Do hodoh-hodoh”. Dia kata, Pak Nik berdialog, “Kalau Nik Mat ini bukan hodoh-hodoh”, dia kata. Pak Nik berdialog, “Macam ini, Tok Do hendak tanya mu ada wayang?” dia tanya. Pak Nik kata, Pak Nik berdialog, “Ada”. Pak Nik berdialog, “Mu ada cukup wayang? Kata, Pak Nik berdialog, “Semua ada”. Pak Nik berdialog, “Duduk dekat mana?” Cakap duduk dekat rumah. Bukan rumah dekat sini tetapi rumah abang sebelah situ (Pak Nik menunjukkan arah rumah). Benda-benda itu Pak Nik tidak ada rumah cakap dah tadi. Pak Nik berdialog, “Macam ini lah”, dia kata. Pak Nik berdialog, “Minggu depan ini rumah Datuk saudara mu itu, Che We Nik hendak main wayang nikah anak dia”. “Aku hendak suruh *awe* [kau]”, dia panggil *awe* [adik]. “Suruh *awe* [adik] main wayang di rumah Tok Nik boleh satu malam. Tok Do hendak tengok. Selepas itu orang sini pun hendak tengok”. “Wayang siapa Tok Do?”. Wayang sohor sudah ada dekat *Semerak* [Pasir Puteh] nama Rashid. Bukan Rashid tadi, tetapi Rashid seorang lagi. Rashid itu Isa ore panggil, orang *Semerak* [Pasir Puteh]. _ Isa itu Tok Dalang *sohor*

[terkenal] dekat *Semerak* [Pasir Puteh] nama Rashid.

AS : Adakah *dia* [Rashid] pada *time* [masa] itu lebih tua dari Pak Nik?

PNM Rashid itu lebih tua dari Pak Nik. Tua lagi. Meninggal dah. Selepas itu kita hendak cerita dekat adik kan, kita tahu _ kita tahu _ baik. Kena faham ini. Pak Nik berdialog, “Kalau aku main dekat panggung orang, orang marah dekat aku”, kata. Pak Nik berdialog, “Macam mana ini” kata. Jadi ringkas cerita. Kalau cakap betul panjang *bedo’oh* [sangat]. Jadi bila dia itu malam mula-mula itu, Pak Nik pun sampai dekat panggung wayang. Dia suruh Pak Nik bermain. Pak Nik pun jawab, Pak Nik berdialog, “Macam ini lah Tok Do, biar dia main dahulu lah”. Pak Nik berdialog, “Malu lah Tok Do sebab wayang orang”. Makna Pak Nik seorang diri pergi. Yang kata wayang Rashid tadi. Jadi Rashid tengok kita *lekeh* [selekeh] sebab kita budak. Faham kan ini. Memang dia tengok kita *lekeh* [selekeh] sebab dia orang dewasa. Dia pun bermain semalaman mula-mula. (Pak Nik membuat bunyian gendang) kita pergi tengok. Pengalaman kita itu kita tengok. Umpama kita *muay* [seni mempertahankan diri Thailand] kan kita sempat faham *buah* [langkah] orang. Kalau macam ini aku lipat tengkuk kata. Kita tahu dah kalau mainan macam ini aku *henja* [tendang] kalau macam ini. Adik kena faham lah. Kita kena tahu, tengok kalau macam ini aku *henja* [tendang]: Malam kedua itu, Pak Nik sampai pula. Rashid suruh main Tok Dalang dia. Pak Nik berdialog, “Main lah adik Mat”, dia kata. Pak Nik berdialog, “Tidak mengapa lah adik Mat sebab orang hendak tengok”, dia kata. Bermain lah. Bermain itu lari lah dia. Malam mula-mula terus lari. Ada dah orang dengki lari dah. Malam ketiga tidak pergi dah dia. Tidak pergi. *Mecok*

[berang], *mongoh* [marah] hendak ambil semua wayang-wayang dia. Yang betul adik ini. Bukan hendak beritahu yang tipu, bukan. Orang sorak orang suka lah. Selepas ini, marah lah dia. Hendak malukan dia, hendak jatuhkan nama dia. Adik faham kan. Ambil wayang serta-merta. Bermain *tiga* [3] malam ini. *Dua* [2] malam, malam *kedua* [ke-2] Pak Nik main. Malam *ketiga* [ke-3] *satu* [1] lagi kan? Dia punggah wayang dia gong, gendang, *kelir* [tabir] serta merta dia marah dekat Pak Nik. Sebab hendak jatuh kan dia. Disini lah Tok ini, Pak Nik berdialog, “*Awe* [adik] kena balik ambil wayang *Awe* [adik] mari selalu main wayang malam nanti dekat rumah Tok Nik *mu* [awak] bukan rumah orang lain”.

AS : Adakah itu baru malam pertama?

PNM Malam ketiga lah. Dia dah ambil. Dia tidak mahu Pak Nik main.

AS : Dimanakah Pak Nik bermain wayang pada masa itu?

PNM Rumah datuk saudara lah, rumah Tok Do. Tok Do ini Tok Imam. Datuk sepupu seorang lagi tambah Tok Wan Nik. *Semerak* [Pasir Puteh] juga.

AS : Apakah kaitan Rashid pada masa itu?

PNM Rashid orang *Semerak* [Pasir Puteh] juga. Dia kata Pak Nik hendak jatuhkan nama dia lah. Sebab permainan ini kalau banyak *khilaf* [kesalahan] jatuh lah orang, contoh macam ini. Pak Nik pun balik ambil wayang, geduk, gedombak, gong, gendang semua cukup lengkap sebab rumah abang (Pak Nik membuat

bunyian alat muzik wayang kulit) bawa pergi dengan kereta orang lah, kereta dia hantar banyak kereta. Bermain lah. Bermain itu sampai *tiga* [3] malam.

AS : Adakah *Direct* [terus] Pak Nik bermain wayang kulit?

PNM *Direct* [terus] lah. Makna tidak puas hati, suruh Pak Nik bermain tiga malam. Bila bermain *tiga* [3] malam itu, terus orang *padah* [ajak] wayang Pak Nik. Main tiket, main tiket, main tiket adik faham main tiket? Pak Nik berdialog, “Ini bukan *class* [taraf] *free* [percuma] ini” kata orang *Semerak* [Pasir Puteh]. Pak Nik berdialog, “Wayang ini bukan wayang *free* [percuma]”, kata ini. Pak Nik berdialog, “*Duk* [hendak] kira apa wayang Rashid, wayang Rashid wayang *gulai* [kenduri]”, dia kata. Cakap betul ini adik. Yang ini *class* [taraf] tiket dia tidak khabar kita sudah bermain guna tiket dah wayang kulit. Makna Pak Nik selalu main tiket wayang kulit. Bukan main *free* [percuma], Pak Nik main tiket.

AS : Bilakah dia cakap macam ini?

PNM Orang tengok wayang lah. Penonton dekat sini yang cakap. Pak Nik berdialog, “Wayang ini bukan *class* [taraf] wayang [taraf] *free* [percuma] ini, tiket ini”, dia kata. *Padah* [ajak] terus malam ini main tiket di *Semerak* [Pasir Puteh]. Dia panggung wayang gambar *Semerak* [Pasir Puteh] ada kan. Main tiket Pak Nik. Seminggu main tiket. *Paka* [kira] *mapuh sama sedah* [jatuh serta-merta] *sini wayang itu* [Tok Dalang tidak terkenal] tidak hidup-hidup sampai ke hari ini. Betul *paka mapuh terus-terus mapuh* [Tok Dalang jatuh nama atau tidak terkenal]. *Henja* [tendang] Pak Nik malam itu *paka mapuh* [Tok Dalang jatuh

nama atau tidak terkenal] sampai ke meninggal tuan itu. Tidak bermain tidak apa-apa. Pak Nik yang bermain dekat *Semerak* [Pasir Putih], *Pasir Putih* [Kelantan], *Semerak* [Pasir Putih]. *Jertih* [Terengganu] mana itu Pak Nik kacau semua lah. Dia mainan jangan main-main benda ini. Dia macam ini lah sejarah wayang kalau sejarah apa. Kalau orang sedap, *mapuh* [jatuh] kita. *Mapuh* [jatuh] adik. Pak Nik pelik Pak Nik hendak tengok, kalau Pak Nik boleh *henja* [tendang] kan, lipat tengkuk sahaja ini. Kalau macam ini memang Pak Nik nampak.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG WAYANG KULIT

AH : Apa sebenarnya kesenian wayang kulit? Adakah sekadar pengajaran?

PNM : Sebenarnya wayang kulit ni, asal usulnya, yang pertama sekali, Pak Nik *lanidok* [la ni kan], apabila Pak Nik menghadap *kelir* [tabir] wayang, Pak Nik *takdok* [tiada] niat apa pun yang dipanggil pengajarlah, *supo pow* [seperti] kita tunjuk ajar kepada penonton, dimana walaupun umur belasan, puluhan ke, umur yang *setaro* [macam mana] pun, walaupun - macam kata tadi lah walaupun pak imam ke, pak bilal ke, pak imam tengok wayang Pak Nik, tok lebai ke, tok jahil ke, Pak Nik pernah angkat *complete* [lengkap] *belako doh* [semua dah]. Pak Nik *beso doh* [sudah biasa] *lagutu* [macam tu] *nge* [dengan] wayang kulit. Pak Nik Mat berdialog “Dimana aku tidak kira walaupun Lebai ke, Jahil ke - - apabila” Pak Nik kata *laluh dok* [terus kan], Pak Nik berdialog, “Kalau tengok wayang kulit Pak Nik Mat Suara Emas *male* [malam] ini tengok awal sampai akhir”. Kalau lah *pakat* [sepakat] kata berdosa, dimana dosa? Kalau sepakat kata haram dimana haram? Pak Nik berdialog “Neraka dengan syurga, awak tengok macam mana permainan wayang kulit Pak Nik Mat”. Pak Nik bermain - - Jadi Alhamdulillah Pak Nik *duk main pah lepah belake doh tu* [bermain sudah sampai yang sebelum ini], tok lebai *dok puji blako lagi lah* [masih puji setakat ini] . Bukan hendak seloro [tipu]. Kalau tok imam sudah tentu menjadi anak murid. Pak Nik pernah belajar dengan anak Tok Alim. Tok Alim ini kiranya mulut masin lah. Tetapi dia *oyak* [bagitahu] *ko* [kepada] Pak Nik, tidak pernah dia tengok wayang kulit seperti Pak Nik ini, *memey* [sememang] cukup lah. Memang *tok* [tidak] *kelih* [tengok] Pak Nik bermain wayang kulit ini memang *takdok* [tidak ada] Pak Nik tempat tidak cantik. Ajaran memang tepat sekali. Tok Alim pernah tengok permainan Pak Nik. Bagus dia kata Pak Nik bermain

wayang ini. Pak Nik Mat berdialog “Wayang kulit sudah *mugo* [sememangnya] ini ada sebelah jahat sebelah baik. Jadi *hok* [yang] jahat itu *memey* [memang] jahat, jadi *hok* [yang] baik itu kiranya nasihat. Jadi *tokse* [tidak mahu] *bui* [bagi] *ko huduh ni lagumano duduk key kito* [buruk ini bergantung kepada kedudukan kita dalam wayang kulit]. *Mano nyo panggil* [Dimana gelarannya] sebagai *kahu* [kalau] kita *ngaji* [belajar] ketuhanan, luar kulit *dale* [dalam] isi lah. *Dale* [dalam] isi itu mengandung darah, dalam darah itu mengandung urat, urat mengalurkan *lender* [lendir], *lender* [lendir] mengandung *tule* [tulang]. Sebab itu *oghe* [orang] panggil urat tu *seribu* [1000], *tule* [tulang] itu *seratus* [100]. Manusia kita ini kulit *sebide* [sebidang], daging setongkol, darah seketul, *lender* [lendir] segumpal, *yo bakik teruh* [berkaitan terus] urat perut kita, dia *memey* begitu wayang *serupo* [sama]. Jadi bermaknanya Pak Nik Mat berdialog “Apa erti tengok wayang?”. Haaa (Pak Nik teruja). Sebelum Pak Nik bermain adik *nih* [ini], Pak Nik *saroh* [bertaklimat]. Pak Nik Mat berdialog “Apa erti panggung wayang adalah nur, nur cahaya, sebab itu Pak Nik kata putih *kelir* [tabir] wayang ini putih _ , sebab ertinya pohon beringin ini *duk* [berada] *cakong* [bercangkung] depan panggong wayang ini, dunia, *kelir* [tabir] ini cahaya, cahaya putih, cahaya nur, putih, _ , jadi pohon beringgi ini, sebagai dunia, dunia ini tempat manusia *duk* [berada] mencari makan siang dan malam. Dunia. Sebab itu malam kita tidur, tengah hari kita buat kerja. *Oghe serupo jah* [orang pun sama lah]. Apabila cerah, dia berkerjalah. Apabila *katok* [tutup] *dia* [orang] gelap lah. *Takdok serupo* [tidak sama] kita lah apabila kita tidur, kita *katok* [tutup] lampu. Pukul *lapan* [8] pagi kita bangun pergi kerja contohnya. Wayang samalah. Selepas itu, apabila kita *bini beranak* [beristeri berkeluarga], katakan *Seramo* [watak dalam wayang kulit] ini kan, apabila dia *bini beranak* [isteri

melahirkan] dikurniakan anak, apabila dia dikurniakan anak, dalam wayang kulit, anak *dia* [seramo, watak dalam wayang kulit] *tok serupo nge pok* [tidak sama dengan bapa]. Tengok *pok* [puak] tok lebai, anak mengambil dadah *belana* [ramai], *dok* [tidak]? *Pok* [puak] tok imam, anak mengambil *kuda* [dadah] *belana* [ramai]. *Dia* [iman] *tok* [tidak] diwarisi. Wayang *serupo jah* [sama sahaja]. *Seramo* [watak dalam wayang kulit], comel, cantik rupa paras. Anak dia *Lak Juno*, *Lak Belembe* [watak dalam wayang kulit] contohnya, hendak beristeri, hendak *bersetoksenjoh* [memikat] anak muda *oghe* [orang] itu dipanggil jahat la macam itu, Nampak *dok* [tidak] adik-adik? Jadi apabila kita jahat, *duk oyak* [bagitahu] kepada penonton, beginilah cara-cara wayang kulit adik-adik, abang, ibu dan bapa. Jangan tunjuk jejak langkah Lak Juno anak makan kerja setahun. Bererti kalau kita tunjuk jejak langkah Laksamana Lak Juno, tidak berapa lama lagi, maka neraka lah kita. *Doh kalu* [Jikalau] kita jahat, nerakalah kita. Apabila kita *duk comey* [berada dalam keadaan baik], syurgalah kita. Dimana neraka dan syurga ini *atah* [bergantung] jahat dan baik. *Misale* [contohnya] kalau kita baik, *tok caro ko oghe* [tidak mengambil kisah pasal orang], *tok ngupak* [tidak mengutuk], *tok keji ko oghe*, *bakpo* [tidak keji kepada orang, mengapa] tuhan *buh* [letak] kita dalam neraka kita. Kalau kita kaji disitu pula, tuhan ini waras ke cerdik tuhan ini? Nampak *dok* [tidak] benda itu? Jadi wayang pun yang Pak Nik bermain wayang *memey gitu* [memang macam itu]. *Banyok key* [Kebanyakan] wayang Pak Nik bermain wayang semua cerita wayang Pak Nik itu kita kata sebagai dongeng juga contohnya. Tetapi bukan dongeng. Mesej Pak Nik ini *sapa* [sampai]. Dalam kalangan tok dalang wayang ini, *tok rok* [tidak larat] hendak pikul *nge* [dengan] Pak Nik *hok* [yang] ini lah *hok* [yang] *dia* [tok dalang] *haloh* [kalah] disini. (Pak Nik membuat demonstrasi

bunyian gendang) Pak Nik Mat berdialog “Beginilah cara-cara wayang kulit, ini katakan kena *ko* [kepada] nasib Lak Juno, kalau kena *ko* [kepada] nasib diri *kita* [penonton], anak kita kena gantung *ko* [oleh] *oghe lagumano* [orang bagaimana] kita berasa. Adik kakak kene faham. Jangan ikut jejak langkah perkara ini. *Pah* [selepas itu] kita bermain lagi cerita (Pak Nik membuat demonstrasi muzik wayang kulit), Samad, Said, Wok Yoh nakal lawak jenaka begini dalam nakal itu kita beritahu (Pak Nik meneruskan cerita wayang kulit), dia *bui dok nge* [tidak bagi dengan] cara begini. Jadi disitu lah puak-puak tok dalang wayang ini dia berkata, Pak Nik Mat berdialog “Pak Nik, *memey dok dey* [memang tidak sempat]”. *Dia* [puak-puak tok dalang wayang kulit] mengaku, Pak Nik Mat berdialog “*Dok dey* [tidak sempat] Pak Nik, *ambo* [saya] *cayo* [percaya] Pak Nik, *ambo teh* [saya menguji]”. Itu cara permainan wayang kulit dia kira macam kita, manusia. Jadi kalau kita katakan lah, bermain dalam jel. *Oghe jahak sajo* [orang jahat sahaja]. Kita bermain wayang *dia* [cerita wayang kulit] *atah* [bergantung] *oghe* [orang] jahat. *Teriok* [menangis] adik Pak Nik bermain wayang dalam jel. Bukan hendak *oyak dok* [bagitahu kan]. Banduan *teriok*. [menangis]. Di *Jeli* [Kelantan]. *Tepak gapo doh* [apa tempat itu]? - Anti dadah.

AS : Kerap kali kah Pak Nik Mat bermain di tempat itu?

PNM : Tidak *rajin* [kerap] adik bermain, sekali je bermain nya, *oghe ata pergi bapo tahun* [orang hantar pergi beberapa tahun sebelum ini].

AS : Adakah mesej yang hendak disampaikan itu dapat diterima oleh banduan?

PNM : *Sapa ko dia memey teriok, hok tobak* [sampaikan dia memang menangis, yang bertaubat] ada. *Tobak tokse* [bertaubat tidak mahu] buat lagi, itu caranya.

AS : Adakah Pak Nik Mat pergi ke jel sekadar ingin menyampaikan ceramah?

PNM : Bermain wayang ini betul, bukan ceramah tetapi menyampai mesej dengan lawak kita itu dengan ibu, bapa kita yang mengandungkan kita selama mana, begitu. *Pah* [selepas] melahirkan anak, anak *duk key tok keno gini supo nok royak gini dok* [berada dalam keadaan sedemikian seperti diberitahu begini kan].

AS : Adakah wayang ini dikategorikan sebagai wayang versi baru?

PNM : *Ho la* [betul la], *bertobak* [bertaubat] lah adik. Kita *wi* [bagi] lagu, kadang-kadang kita *wi* [bagi] lagu, menyanyi lah, itu gaya Pak Nik. *Mugo* [sebab] bermain versi baru kita menyanyi lagu moden. Bukan memainkan lagu wayang kulit. Ini lagu - *macey* [macam] Pak Nik lah. Pak Nik berdialog “Kemana *demo* [awak] *gi* [pergi]? *Bakpo* [kenapa] aku jadi begini?” *Hok ni* [yang ini] dalam seni kata Kelantan. Jadi *demo* [awak] dengar nasihat dalam nyanyian. Begitu lah kita hendak *lagutu* [macam itu]. Menyampai mesej tepat sekali. Serupa *cito* [cerita] wayang serupa *jah* [sahaja]. Wayang kulit original [asli] *ko* [ke] wayang versi baru *ko serupo jah* [ke sama sahaja].

AS : Adakah mesej yang hendak disampaikan dalam wayang kulit itu dapat diterima oleh penonton?

PNM : *Ho* [betul] dia panggil mesej kepada penonton. Itu lah Pak Nik bermain wayang kulit sebenarnya *duk* [berada] disitu adik *wey* [nya]. *Hok* [yang] cerita

sebenarnya banyak cerita wayang nya. Berpuluh-puluh cerita Pak Nik nya. Cerita itu *wajib* [wajib] nya kena ada, di *palo* [kepala] tajuk itu *memey* [memang] cerita, *misale* [misalnya] kita kata cerita *beluru sulu lima daro* [cerita dalam wayang kulit], *beluru sulu lima daro* [cerita dalam wayang kulit] *dia* [orang] kata sebilah keris, *keno pacey nga beluru sulu lima daro* [kena asap beluru sulu lima dara] baru boleh buat guna keris itu. Sebenarnya tidak, *oghe tok pehe* [orang tidak faham] *dia* kata *beluru sulu nga asey ni dok* [dengan asam ini kan], *dok dio ore* [sebenarnya mereka manusia], itu cerita Pak Nik. *Dio* [cerita] panggil cerita *beluru sulong* [cerita versi Pak Nik Mat]. *Bilo* [apabila] tengok *CD* [cakera padat], rupanya *oghe* [orang] *beluru sulu lima daro* [cerita dalam wayang kulit] ini. *Dia* panggil simbolik belaka, cara *dia*. Jadi – hasrat Pak Nik nya begitu lah Pak Nik *duk main woye* [bermain wayang] ini. Menyampai mesej lah Pak Nik nya paling berhasrat itu.

AS : Bolehkah Pak Nik menceritakan sejarah wayang kulit ini dan bagaimana wayang kulit boleh berkembang?

PNM : *Dia* [wayang kulit] berkembang wayang kulit di *Kelantan* [Malaysia] ini asal nya *mari* [datang] pada Long Yunus. Long Yunus di atas seni budaya *loni* [sekarang]. Long Yunus *hok oyak* [yang diceritakan] tadi itu *dok* [kan], Long Yunus ini *oghe* [orang] panglima perang. Long Ghafar ini *oghe* [orang] panglima perang. *Dia*, Long Yunus ini *oghe* [orang] Kota Kubang Labu, istana *dia* Kota Kubang Labu ini jalan *Pasir Pekan* [Kelantan, Malaysia] lah. Di *atah* [atas] *Pasir Pekan* [Kelantan, Malaysia] ini Kota Kubang Labu. Long Ghafar ini di *Limbat* [Kelantan, Malaysia]. *Limbat* [Kelantan, Malaysia] ini nya di *Peringat* [Kelantan, Malaysia] *nih* [ini]. *Kampung Limbat* [Kelantan, Malaysia] *tuh tepak*

[itu tempat] Long Ghafar. Dia *pere key* [perang kan] dahulu *dua* [2] *tuh* [itu]. Puak Long Yunus, puak Long Ghafar ini dia berperang. Dia *pere* [perang] itu kalah Long Ghafar. Di situ dia mengaku adik-beradik sebenarnya Long Ghafar, Long Yunus ini *bukey* [bukan] adik-beradik. Dia *oghe* [orang] suku sakat *dua* [2] *tuh* [itu]. Cuma kerabat lah. Dia *ngaku* [mengaku] adik-beradik bahawasanya dia *tok baloh* [tidak bergaduh] *dua* [2] itu *sapa* [sampai] mati. *Ho mugo jame dahulu mano* [betul sebab zaman dahulu mana] ada *polih gapo key* [polis yang berkenaan kan], *dia* [Long Yunus dan Long Ghafar] *pere oghe* [perang saudara] lebih *gak* [nya] *pere gitu* [perang begitu]. *Kiro* [kiranya] Long Yunus lah asal *wak kelik meney* [bawak masuk permainan] di *Kelantan* [Malaysia].

AS : Di manakah asal usulnya Long Yunus?

PNM : Long Yunus ini *oghe Kelate* [orang Kelantan].

AS : Dari manakah Long Yunus membawa masuk permainan wayang kulit?

PNM : *Dia* [Long Yunus] *ambik alik Siye* [ambil dari] [Siam, Thailand].

AS : Adakah permainan wayang kulit ini juga dibawa masuk dari Indonesia?

PNM : Nanti dahulu. Mak Yong – Menora *gapo tu mari pado Siye* [apa itu dibawa masuk dari] [Siam, Thailand]. Long Ghafar *wak kelik* [bawa masuk], Long Yunus *hok wak kelik pado Siye* [yang membawa masuk dari] [Siam, Thailand]. *Dia* [wayang kulit] *hok indon tu* [yang Indo itu] wayang Melayu dan Wayang Jawa. Itu dia panggil indon. *Ho* [betul] Jawa.

AS : Adakah wayang kulit Kelantan dipanggil wayang kulit Siam?

PNM : Wayang kulit Siam. *Lepah pado* [selepas daripada] itu, tok dalang wayang utama sekali wayang kulit ini *dok, oghe Siye sunggoh* [kan, orang Siam asli]. Nama Ekong. *Pahtu* [selepas itu] Eden.

AH : Bagaimana ejaan Ekon itu?

PNM : E-K-O-N. *Pah dio* [Selepas itu mereka] *dua* [2] *oghe* [orang], Ekon *nge* [dengan] Eden.

AS : Adakah mereka adik-beradik?

PNM : *Bukey* [bukan], dia tok dalang wayang *sunggoh* [betul]. Sebab itu *loni cino* [sekarang cina] pun ada *main* [bermain] wayang. Betul la itu. Jadi dia walaupun dia *Siye* [Siam] dia *kecek* [bercakap] Bahasa Melayu kita ini. Bahasa Melayu lah. *Gak Siye kapong mano pelet* [orang Siam kampung tidak pelat]. *Tok pelet* [tidak pelat], tengok *Che Eng* [tok dalang wayang Cina]. *Tok pelet duk main woye* [tidak pelat bermain wayang.] *Dok* [kan]? *Mu nok mano pow* [kamu hendak macam] Melayu. *Kalu* [kalau] *pelet cino dio mugo lain la pulok* [pelat Cina dia macam lain lah kan]. *Dio dok pow oghe* [dia tidak macam orang] Melayu. Dia panggil Cina kampung. *Gitu* [begitu] lah *kembe* [berkembang] kulit ini asalnya daripada Long Yunus *wak kelik* [bawa masuk] disini, Mak Yong, Menora *gapo* [apa] Long Yunus belaka. Dikir barat *gapo* [apa] dial ah *wak kelik meney* [bawa masuk permainan] di *Kelantan* [Malaysia] ini. Long Yunus. Itu sejarah ada dalam buku *itu* [buku sejarah].

AS : Adakah wayang kulit Pak Nik Mat ini dikategorikan sebagai wayang kulit Melayu?

PNM : Pak Nik wayang kulit *Siye* [Siam]. Dia panggil wayang kulit Siam Pak Nik ini. *Kalu* [kalau] wayang *Siye* [Siam] betul *pulop* [pula] dipanggil Natalong.

AS : Bagaimana dengan wayang kulit yang terdapat di negeri Johor?

PNM : *Johor* [Malaysia] itu *Batu Pahat* [Johor, Malaysia]. *Batu Pahat* [Johor, Malaysia] itu wayang Peruo. Wayang Peruo ini wayang Jawa juga. Namun dia panggil Peruo. *Macey* [macam] Pak Nik ini wayang *Siye* [Siam]. *Pah so* [Selepas itu satu [1] lagi wayang Melayu. Wayang Melayu Pak Nik pun ada. Wayang Melayu dia panggil. *Mano gamba dio* [dimana gambarnya]? *Ale tong* [dalam tong] (Pak Nik Mat menunjukkan jari ke arah biliknya) itu ada wayang Jawa *tuh* [itu]. *Pahtu tong dale* [selepas itu, tong di dalam] itu ada wayang kulit *loloni* [sekarang].

AH : Di negara manakah yang mahsyur dengan permainan wayang kulit?

PNM : Wayang kulit? Wayang kulit *Siye* [Siam] ini di *Kelantan* [Malaysia] kita lah. Dia kalau *sabit nga* [berkaitan dengan] wayang kulit ini dia lebih *Kelantan* [Malaysia] belaka. Sebabnya *Tegamu* [Terengganu, Malaysia] pun ada wayang kulit tetapi *tok leh gi* [tidak mahsyur] adik. Dia wayang kulit *Tegamu* [Terengganu, Malaysia] ini ada *dua* [2] panggung. Wayang di *Kuala Berang* [Terengganu] sepanggung, wayang di *Batu Rakit* [Terengganu] sepanggung. *Batu Rakit* [Terengganu] dia panggil wayang Yusuf Air Mata. Di *Kuala Berang* [Terengganu] itu Pak Wahid. Tetapi dia pernah ambil Pak Nik *gi main woye denuh* [pergi bermain wayang di sana]. *Panjok dio, gapo dio Pak Nik gi nga*

kheto [dia ajak, apa dia Pak Nik pergi dengan kereta]. *Gi main, mitok tulong main* [Pergi bermain, mintak tolong bermain].

AH : Adakah wayang kulit ini terkenal di mata masyarakat antarabangsa?

PNM : Terkenal. *Mat sallah bapo oghe doh mari blaja* [orang putih sudah ramai datang belajar] disini. Pak Nik *dey* [sempat] *tiga* [3] orang *doh* [sudah]. Jepun. *Sapa panda nga* [sampai pandai dengan] Pak Nik.

AS : Adakah Pak Nik menjemput masyarakat antarabangsa untuk belajar kesenian wayang kulit dengan Pak Nik?

PNM : *Dia mari* [masyarakat antarabangsa datang] sebelum - - Jepun *sekor tu dia mari* [seorang itu datang] di *Kelantan* [Malaysia] baru dia *tok leh kecek* [tidak dapat bertutur] Melayu. Nama dia nya *Tangguri*. *Mari rumoh ni mulo-mulo jijok* [datang ke rumah ini pada awalnya langkah] di Negeri *Kelantan* [Malaysia]. *Sapo wak mari* [Siapa yang bawa]? Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP]. *Tok leh kecek* [tidak boleh bertutur] Melayu *lagitu tiko tuh* [lagi ketika itu]. Nama *Tangguri*. Dia *duk blaja* [belajar bersama] Pak Nik *tiga* [3] tahun. *Bukey duk sini doh lah, dio duk blajar lebih kure kak nga setahun nga Pak Nik pahtu dio baro lah* [bukan sudah berada di sini lah, dia belajar lebih kurang hampir setahun bersama Pak Nik selepas itu mahir lah]. Sehingga boleh *kecek* [bertutur] Melayu, sehingga *panda* [pandai] palu *menozik* [alat muzik wayang kulit], sehingga boleh buat wayang. Pak Nik bengkel wayang kulit adik, Pak Nik hantar *dia* [Tangguri] pergi. Pak Nik pun adalah. Makna alat Pak Nik, *dia* [Tangguri] buat. Nama *Tangguri*, *tino* [perempuan]. Budak perempuan dia boleh buat wayang, *nebok* [menebok] wayang *gapo* [apa], Pak Nik *wi* [bagi kepada]

dia [Tangguri].

AH : **Pada tahun bila Pak Nik mengajar Tangguri?**

PNM : Baru tahun berapa, tahun berapa *doh* [sudah] – *dua* [2] *tiga* [3] *empat* [4] tahun *doh* [sudah] baru.

AH : **Berapakah umur Tangguri pada ketika itu?**

PNM : Umur *dia* [Tangguri] berapa *Lah* [gelaran isteri Pak Nik Mat]? *Empat puluh* [40] lebih *doh* [sudah]. *Dia* [Tangguri] mula-mula *duk* [berada] di sini *tiga puluh* [30] lebih *dok* [kan]? *Loni memey doh* [Sekarang memang pun]. *Lepah pado tu nok crito nyo* [selepas pada itu, hendak diceritakan], *dia* [Tangguri] balik *gi* [pergi] di Jepun, *takpo pekene* [tidak apa kenangan] jasa *dia tuh* [Tangguri itu] *dia* [Tangguri] boleh palu *menozik* [alat muzik wayang kulit] lah, gedombak, wayang, *canney* [canang] wayang, *dia reti* [Tangguri pandai] lah. Makna irama dan lagu, tempo ini tidak lari lah. *Nebok* [menebok] wayang, menetas wayang Pak Nik harapkan dia, bayar *dua ratus* [RM200.00] *riya* [Ringgit Malaysia] sehari padanya. *Tumpat* [Kelantan], bengkel Pak Nik *bui pitih dia* [bagi Tangguri duit] *dua ratus* [RM200.00] *riya* [Ringgit Malaysia]. *KB Mall* [Kota Bharu Mall] *dua* [2] hari Pak Nik panggil - - *KB Mall* [Kota Bharu Mall] kita bengkel wayang kulit ini *key* [kan] bawah itu. Pak Nik gaji dia. *Memey* [memang] Pak Nik *ambik tu mahal lah nga oghe* [ambil itu mahal lah dengan orang], Pak Nik tidur *dua ratus* [RM200.00] *riya* [Ringgit Malaysia], *yolo doh dok* [sudah betul kan]? *Memey* [memang] mahal. *Gak* [semestinya] buat bengkel *bukey* [bukan] - - *pehey diri* [faham sendirilah] bengkel. *Style* [cara] *oghe gi gak* [orang pergi maka] buat. *Oghe berderak kok* [orang singgah

ke tempat] lain kita *duk diye isak rokok* [duduk diam isap rokok] contoh *gitu lah dok* [begitu lah kan]. *Oghe gi gak* [orang singgah maka] Pak Nik Mat berdialog “*Lagumano gak ni nyo* [bagaimana ini ya]?” Ambil, buat *gitu hoh* [begitu lah]. *Mano sekor* [dimana seekor watak wayang kulit] *tiga* [3] bulan *tok sudah* [tidak siap]. *Hok sunggoh oyak ni kalu bengkel* [yang betul beritahu ini kalau bengkel].

AH : Pada zaman dahulu, adakah wayang kulit dimainkan di atas sebab-sebab tertentu?

PNM : *Dia* [wayang kulit] – wayang kulit Pak Nik ke? Diri Pak Nik ke orang lain? *Dia* [wayang kulit] tertentu wayang kulit tidak ada tertentu mana, sebenarnya *dia* [wayang kulit] masing-masing sahaja. *Dia* [wayang kulit] masing minat sahaja wayang kulit ini, bukan tertentu sangat kalau orang minat bermain wayang kulit ini, *dia* [orang] cuba bermain, sebenarnya boleh. Itu sahaja.

AH : Adakah tujuan bermain wayang kulit pada zaman dahulu dan sekarang sama?

PNM : *Dia* [wayang kulit] tujuan dahulu dengan *loni* [sekarang] rasanya *tok lari lagituh* [tidak berbeza lagi itu]. Kalau *kok* [ikut] seni budaya *Kelantan* [Malaysia] kita *tok lari lagituh* [tidak berbeza lagi itu]. *Dio* [wayang kulit] *jame dahulu bena*, *jame dahulu mulo* [zaman dahulu kala] tahun 40 an *mulo* [dahulu], *dia* [zaman dahulu] musim *mengetey key* [mengetam kan] mengutip, *mengetey* [mengetam] padi *oghe jame dahulu dio mengetey key* [orang zaman dahulu dia mengetam kan], *loni dio mesin doh* [sekarang sudah guna mesin]. *Dia* [zaman dahulu] adalah dikir barat, wayang kulit *dok* [kan]. *Loni dok* [Sekarang tidak]. *Loni* [sekarang] wayang kulit di hotel, di sekolah, di *U* [universiti], *spita* [hospital]

pun Pak Nik bermain. *USM* [Universiti Sains Malaysia] bermain, baru ini bermain di *spita* [hospital] baru ingat *sakni* [tadi]. Bermain di *USM* [Universiti Sains Malaysia] – sekali, tahun *lepah* [lalu] boleh sekali jadi *dua* [2] kali lah. *Lepah pade tu* [selepas pada itu], - kalau kita kata - - *dia loni* [wayang kulit sekarang] *satu* [1] *kijo doh* [sudah menjadi kerja]. Bermakna untuk mencari duit betul *doh* [sudah] wayang kulit ini.

AH : Adakah wayang kulit ini terdapat nama lain?

PNM : *Takdok duk* [tidak ada, memang] panggil wayang kulit *jowlah* [sahaja lah]. Long Yunus *wak kelik* [membawa masuk] wayang kulit.

AS : Adakah wayang kulit terdapat jenis-jenis yang berbeza?

PNM : *Dia jenis gitu* [wayang kulit jenis begitu]. *Dia* [wayang kulit] wayang Jawa, wayang kulit *tok samo* [tidak sama] pantun dia. Gambar memang tidak sama lah.

AH : Bagaimana wayang kulit dipersembahkan kepada masyarakat? Adakah terdapat peraturan-peraturan yang perlu diikuti?

PNM : *Dok* [tidak]. *Takdok* [tidak ada]. *Dia kalu* mengikut cara *jame dahulu tu sunggoh ado* [zaman dahulu kala itu ada] adik. *Jame oghe tuo tok nenek mulo memey ado* [zaman orang-orang tua dahulu memang ada] *dia* [orang] panggil kenduri itu, buat kenduri ini. Tetapi Pak Nik *loni takdok doh* [sekarang sudah tiada]. Pak Nik *pakak nok main, main lah* [kalau hendak main, Pak Nik bermainlah]. Masuk menghadap *kelir* [tabir] *gak main* [maka bermain]. *Kadey-kadey* [kadang-kadang] rokok *duk tange* [berada di tangan] (Pak Nik membuat

bunyi langkah kaki).

AS : Adakah wayang kulit ini dimainkan untuk raja sahaja?

PNM : *Bukey* [bukan] untuk puja *gapo, dok* [apa, tidak]. Utamanya Pak Nik nya *situ jah* [di situ lah], menghantar mesej *jah* [sahaja] Pak Nik. Untuk mesej kepada penonton. *Dia takdok* [tidak ada] niat lain Pak Nik.

AH : Apakah fungsi tok dalang dalam wayang kulit?

PNM : *Dia wi soale* [orang bagi soalan] ini *dia* [orang] panggil Sri Panggung. Tok dalang wayang itu Sri Panggung. Panggilan dia Sri Panggung.

AH : Adakah fungsi tok dalang sebagai penyampai cerita?

PNM : *Ho* [betul], untuk menyampai cerita. *Oghe* [orang] panggil dia *je dok* [sahaja kan]. Tetapi *oghe* [orang] panggil dia Sri Panggung tok dalang wayang ini. Maknanya kalau *kiro-kiro mudoh* [disenangkan cerita], *bos* [ketua] lah ini.

AS : Adakah Pak Nik Mat seorang sahaja individu yang terlibat dalam menghidupkan kembali kesenian wayang kulit?

PNM : *Ho* [betul], Pak Nik seorang.

AH : Apakah alatan-alatan yang digunakan dalam kesenian wayang kulit?

PNM : Geduk, gedombak, gong, gendang, *canney* [canang], kesi, serunai.

AS : Bagaimanakah bunyi alat muzik kesi ini?

PNM : *Dia* [kesi] bunyi *ceng ceng ceng* (Pak Nik Mat membuat demonstrasi bunyi kesi

dengan mulutnya). *Dia* [kesi] bunyi macam irama – apa *tabreng* [alat muzik wayang kulit] *ceng ceng* (Pak Nik Mat membuat demonstrasi bunyi kesi dengan mulutnya), *dia* [kesi] ini.

AH : Adakah terdapat jenis-jenis irama serta tema dalam wayang kulit?

PNM : Ada. *Dia gak ado* [wayang kulit ini ada tema]. Macam (Pak Nik batuk) *Wok Yoh* (watak dalam wayang kulit) berjalan tidak sama dengan *Seramo* [watak dalam wayang kulit]. *Seramo* [watak dalam wayang kulit] berjalan tidak sama dengan hulubalang. Hulubalang berjalan tidak sama dengan dewa. Dewa berjalan tidak sama dengan pari. Banyak lagu *dia* [wayang kulit].

AS : Adakah irama wayang kulit ini bergantung kepada cerita nya?

PNM : *Em* [betul]. *Misale* [misalnya] *kalu* [kalau] loghat – *misale* [misalnya] Pak Nik Mat berdialog “*Benturu hendak keluar dari Pintu Surgo* [syurga] *negora* [tempat kayangan]”. *Dia* [tok dalang] palu lagu dewa. (Pak Nik Mat membuat demonstrasi paluan lagu dewa dengan mulutnya). Itu *dia* [orang] panggil dewa keluar anjung. *Kalu* [kalau] dewa berjalan *lagu lain pulop, dewo jale* tetapi *lain pulop* [berbeza dewa berjalan pula]. Kalau dewa berjalan (Pak Nik Mat membuat demonstrasi paluan lagu dewa berjalan dengan mulutnya) *lagu lain tuh* [berbeza itu]. *Hok sakni* [yang tadi] (Pak Nik Mat membuat demonstrasi paluan dewa dengan mulutnya) *yo lain, dio keluar anjung* [berbeza, dewa keluar anjung]. *Kalu dio gaduh lorak nok bergayo dio lain* [kalau tok dalang hendak cepat memainkan paluan, dia berbeza paluan] (Pak Nik Mat membuat demonstrasi paluan lagu dewa dengan mulutnya). *Lagu lain key tuh* [berbeza kan itu]?

AS : Adakah bagi setiap gaya berbeza paluan irama?

PNM : Itu atas Pak Nik. Kalau Pak Nik ada syarat lah. Dia ada satu kisah di sini. Apabila (Pak Nik Mat membuat demonstrasi paluan menandakan dengan mulutnya) *bunyi key dio nok berenti key tuh* [berbunyi kan, maknanya hendak berhenti la itu]. Kalau kita *conduct gak* [mengepalai kan](Pak Nik Mat membuat gaya seorang konduktor) suruh berhenti, contoh *dok* [kan] kalau kita buat begitu. Berhenti contoh syarat *dia* [wayang kulit]. Maknanya orang Melayu akan tahu *doh* [sudah] kalau kita membuat macam itu dia panggil hendak habis.

AS : Dalam wayang kulit, bagaimana irama untuk menunjuk wayang kulit itu hendak tamat?

PNM : *Dia* [wayang kulit] kisah *hok sakni* [yang tadi](Pak Nik Mat membuat demonstrasi paluan berhenti dengan mulutnya). *Dia* [tok dalang wayang kulit] *duk main* [tengah bermain] (Pak Nik Mat membuat demonstrasi bunyi paluan dengan mulutnya) selagi *dia* [paluan] tidak berbunyi *key* [bunyi paluan berhenti] *dia* [paluan] tidak berhenti *budak-budak* [ahli-ahli muzik wayang kulit]. Jadi apabila kita *keyy* [bunyi paluan berhenti] *dia* [ahli-ahli muzik wayang kulit] pun (Pak Nik Mat membuat demonstrasi paluan berhenti dengan mulutnya) begitu cara dia syarat *duk* [berada] di sini. *Dia* [orang] panggil Kayu Kisah. Orang panggil *metek* [nama lain bagi Kayu Kisah] tetapi Pak Nik panggil *Kisah* [Kayu Kisah]. Tetapi sebelah *alik* [sebelah] morak dia panggil *metek* [kata nama lain bagi Kayu Kisah].

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: CERITA – CERITA RAKYAT DALAM WAYANG KULIT

AS : Kita masuk kepada cerita rakyat yang dimainkan dalam wayang kulit.
Contohnya pasal Long Yunus dan Long Ghafar. Boleh Pak Nik ceritakan?

PNM : Sebenarnya Long Yunus dan Long Ghafar ini panglima perang sebenarnya. Mereka memang raja. Tetapi pada masa itu dia *bos* (ketua) lah. Maknanya kepala lah. Kepala hulubalang. *Dia* (Long Yunus dan Long Ghafar) perang dua orang itu. *Dia* perang - - *Dia* Long Yunus dan Long Ghafar berperang. Kalau kita kaji perang saudara. Maknanya macam Iran dan Iraq contolah itu. *Dia* bukan adik beradik Long Yunus dan Long Ghafar. Tiada kene mengena dua orang itu.

AS : Long Yunus dan Long Ghafar ini pernah dimainkan dalam wayang kulit?

PNM : Bukan bermain tetapi dikisahkan.

AS : Kata nama lain bagi kisah Long Yunus dan Long Ghafar adakah berkaitan hikayat?

PNM : Hikayat dalam buku sejarah pun ada Long Yunus dan Long Ghafar ini. Jadi dia orang sama *bisa* (hebat), sama perang, orang *gedebe* [berani] lah. Jadi apabila berebut *tara* [takhta] contohnya, *hok* [yang] ini panglima di Kampung Limbat, Long Yunus ini panglima di Kota Kubang Labu. Jadi kalau kata Pak Nik *gak* [nya], Pak Nik Mat Kemasin *glamour* [sohor] di *Kemasin* [Bachok]. Orang lain *glamour* di *Jelawat* [Bachok] contoh begitu lah. Jadi anak-anak buah ini hulubalang lah. Orang itu cabar menyabar. Orang ini - - perang. *Gak* [maknanya] perang zaman dahulu bukan perang dengan *bedey* [pistol], perang dengan ini je. Kaki bunuh – membunuh ini begitu lah. Macam IS (Islamic state)

loni [sekarang] lah contohnya. Jadi apabila pergi perang *mari* [datang] itu, kalah puak-puak Long Ghafar. Maknanya Long Ghafar ini kuat, tetapi kalah Long Ghafar. Menang puak-puak Long Yunus. Dia sejarah Long Ghafar ini adik kalau adik pergi tanya orang tua di Kampung Limbat kalau ada orang-orang tua boleh pergi tanya *la deh* [lah kan]. Dia bunuh orang *empat puluh satu* [41] hari, Long Ghafar. Dia gantung *tekok* [tengkuk] orangnya di ada Kubang. Kubang Limbat ini sebenarnya Limbat sebenarnya *pero* [pelihara] ikan Limbat. Ikan Limbat ini sebesar ini (menunjukkan paha). *Hok* [yang] makan manusia. Di pohon keriang *so* [satu]. Maknanya *demo* [mereka] kata *dia* [Long Ghafar] gantung orang di pohon keriang itu. Jadi apabila *luruh* [jatuh] orang di Kubang Limbat ini ikan *duk* [yang] makan. Daging manusia. Long Ghafar. Tetapi Long Yunus ini orang baik. Orang baik, orang bertakhta, tidak jahat serupa Long Ghafar. Tetapi apabila perang ini menang Long Yunus. Jadi dia mengaku disitu apabila kalah perang disitu jadinya dia beli daging. Dia beli daging kita kata lebih kurang *gak* [juga] sekilo dua kilo lah. Hendak diringkaskan cerita. Disitu dia *kerat* [lapah] daging, Long Ghafar. Long Yunus sekerat, dia sekerat. Di peringkat dua itunya, kita dua ini adik-beradik dunia sampai akhirat. Sebab itu dalam sejarah orang kata adik-beradik tetapi tidak. Pak Nik pun dengar adik-beradik Long Yunus dan Long Ghafar. Tidak. Setara Pak Nik orang tidak adik-beradik dua itu. Dia panglima sama panglima dua orang itu. Tetapi diikrarnya adik-beradik.

AS : **Bagaimana dengan kisah Puteri Saadong?**

PNM : Dia kisah Puteri Saadong ini begini, dia Puteri Saadong nama sebenarnya buke Saadong. Nama sebenarnya Tengku Mariam nama dia. Tengku Mariam anak Tok Raja Loya. Orang *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] ini je. Bukan orang

jauh. Bonda dia nama Mani Kemiyan. Bonda Saadong. Nama Tengku Mariam dia nya. Tetapi sejarah nama Saadong ini Cik Siti Wan Kembang. Sebab ini kalau kita tidak faham Saadong ini anak Siti Wan Kembang *dok* [kan]. Tidak. Dia tidak kene mengena dua orang itu. Dia Raja Loya *deh* [kan], Tengku Mariam anak dia *nok* [hendak] *oyak tu* [cerita]. Sultan Ahmad anak dia belaka ini. Raja Bahar, Raja Udang, Raja Ketam, Raja Ekok, *ho jolo* [betul la] Raja Ekok. Semua itu *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] belaka. Bukan dongeng. Ada rumah tangga belaka itu *lani* [sekarang] ada tiang rumah dia di Kampung To'ku. Pada masa waktu yang sama pada tahun itu, tahun itu tahun *bapo* [berapa] belas tidak tahu lah. Tetapi rasanya adik kalau *nok* tahu betul-betul kita pergi jumpa dengan Ku Hamzah *memey* [memang] dia *oyak* habis. *Tok soh* [usah] runsing kalau Tengku Hamzah dengan Pak Nik, Pak Nik kerabat dia kerabat juga pelik apanya. Nampak ke tidak benda macam ni? Kalau *nok* tahu betul-betul pasal hal raja *goni* [yang ini] kita pergi rumah dia. Tiada masalah. Tetapi Pak Nik boleh cerita *hudoh-hudoh* [serba sedikit] tidak *hudoh-hudoh* juga itu. Apabila begitu - - duduk ringkas cerita potong hikayat turun seorang perempuan bernama Negora, kalau wayang kulit kata Negora ini langit lah. Faham ke tidak ini? Negora ini tempat tinggi lah. Kekayangan Sura Raya maknanya kalau wayang kulit *gak* [nya] awan-awan dijaga burung terbang contohnya. Nampak ke tidak pokok awan *gapo* [apa] *deh* [kan]. Turun seorang puteri nama dia Dewi Durgo. Sebab itu Pak Nik cerito *dok* [kan], Cik Siti Wan Kembang ini *key dok* [kan]. Bukan makhluk asing di bumi *tak dok* [tidak]. Dia makhluk atas. Nama dia betul la itu, Dewa Durga nama dia. Dia boleh kan hendak jadi kerajaan negeri *Kelantan* [Malaysia] lagi. Dia raja *Kelantan* [Malaysia]. Dia raja *tino* [perempuan] asalnya *Kelantan* [Malaysia] ini. Kijang

seekor tu _ Wan Kembang *sakni* [tadi] la itu. Dia masa itu belum lagi ada siapa polis *takdok* [tiada] ketika itu *key* [kan]. Dia sebelum lagi ada – dia sebelum lagi ada raja lah. Belum lagi ada sultan masa itu. Cik Siti Wan Kembang ini dia turun daripada Negora jatuh ke bumi. Nama dia Dewi Durga. Dia tidak pernah *bini* [berkahwin], tidak pernah bernikah la. Tidak pernah berumah tangga. Tidak pernah beranak mana dia tidak bernikah. Cik Siti Wan Kembang ini, siapa lantik dia? Dalam istana sudah kita ringkas lah. Orang *Arab* [Arab Saudi] lah itu. Orang *Arab* [Arab] hadiah kijang itu. Sebab itu dia berbelit dengan kijang kan. Sebab itu Kelantan *crown* [mahkota] kijang. Lambang kijang. Dia hendak panggil Dewa Durga ini maknanya *bokali payoh* [barangkali susah] lidah *Arab* [Arab Saudi]. *Dia* [orang Arab] pun panggil Wan Kembang. Dia letak namanya *bokali gak* [barangkali] patik, tuanku hendak panggil *ko* [kepada] tuanku ini Cik Siti Wan Kembang. Mana hendak kata Dewa Durgo ini tidak boleh kata *mugo* [sebab] lidah *Arab* [Arab Saudi] ini kan. *Hok* [yang] Pak Nik tahu *siloh lagutu lah* [sejarah macam itu lah].

AH : Adakah Cik Siti Wan Kembang ini turun atas arahan tertentu?

PNM : Dia tidak arah siapa-siapa, sendiri dia.

AS : Adakah Cik Siti Wan Kembang datang ke Kelantan untuk memerintah sahaja?

PNM : Dia datang itu mungkin dia tengok dunia ini jikalau dia tidak turun tiada siapa jadi raja. Begitu hendak cerita. Jadi bila dia turun daripada _ itu. Baiklah nama dia nya Cik Siti Wan Kembang ini lantik *wi* [bagi] nama *ko* [oleh] orang *Arab* [Arab Saudi]. Dia pun ingin lah hendak *pero* [pelihara] anak. Apabila ingin

hendak *pero* [pelihara] anak itu, pun ambik lah Tengku Mariam *pero* [pelihara] anak dia. Anak muda lah ini. Tidak menikah kahwin lagi.

AS : Asalnya Puteri Saadong ini anak siapa?

PNM : Anak Tok Raja Loya - dia tidak dongeng adik hendak cerita ini. Apabila anak Tok Raja Loya *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] itu tidak orang lain lah. Selepas itu, Cik Siti Wan Kembang pun *pero* [pelihara] lah *dia* [Puteri Saadong]. *Duk* [berada] di mana? Kota Jelasin. Adik tahu tidak Kota Jelasin ini dimana? Kota Jelasin sebenarnya kalau kita *duk* [berada] di *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] itu dia masuk jalan kampung hendak *tubek* [keluar] ke – apa dekat *Binjai* [Kelantan] dekat kampung hendak *tubek* [keluar] ke *Retok Chupu* [Kelantan]. Dia panggil Kota Jelasin. Kota Jelasin ini tempat dia *duduk* [berada]. Bukan Kota Ismail *loni* [sekarang] *duk* [berada] *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] ketika itu. Sebenarnya masa itu raja *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] ketika itu. Sebab itu panggil Raja Jembal. Selepas pada itu *dok* [kan] *pero* [pelihara] Saadong lebih kurang, dia pun lantik lah Tengku Mariam dia lantik nama Tuan Puteri Saadong. Dewa Durgo lantik dia Tuan Puteri Saadong anak Cik Siti Wan Kembang sebenarnya anak Malik Kemiyan. Betul sudah anak Malik Kemiyan dengan – Tok Raja Loya. Tetapi anak lain semua itu berdarah merah belaka. Saadong ini darah putih. Sebab itu kata air liur masin bawah lidoh _ tengkuk hitam berdarah putih. Bulu roma *suseng* [halus] tulang tunggal. Barang mintak boleh jadi *ko* [kepada] anak barang boleh. Maknanya air liur masin dia ini maknanya darah putih tidak akan mati. Orang darah putih tidak akan mati, ghaib macam begitu *jah* [je]. Apabila begitu orang comel. Saadong ini orang yang paling comel, putih _ peranakan cina hitam manis orang yang

paling comel – diserang masuk oleh Ayothia Kalahung orang Siam. Negeri *Phiakalahung* [Thailand]. Nama raja itu Ayothia. Negeri *Phiakalahung* [Thailand], negeri *Siam* [Thailand] betul. *Segoro lah* [senegaralah].

AH : Adakah negeri tersebut masih wujud sekarang?

PNM : Ada. Tetapi raja lain lah. *Mugo tika tu takdoh doh* [sebab raja *dahulu* sudah tiada]. *Dia* [Raja Ayothia] suruh hulubalang mari *miney* [meminang] Puteri Saadong *Kedai Lalat* [Kota Bharu, Kelantan] Tok Raja Loya. *Miney* [meminang] raja Siam hendak membuat menjadi *bini* [isteri] dia. Mana boleh. Hulubalang *tok wi* [tidak bagi]. Apabila begitu, Cik Siti Wan Kembang *wi* [bagi] tempoh *tujuh* [7] hari tempoh hendak jawab hendak ke *tokse* [tidak mahu]. Apabila masuk *tujuh* [7] hari itu, dalam celah itu, Putera Raja Bahar, anak Putera Raja Bahar nama Sultan Abdullah. Sepupu *dua* [2] itu. *Dia* Abdullah sebenarnya anak Raja Bahar. Raja Bahar ini adik-beradik *pok sedaro* [bapa saudara] Saadong. Sepupu lah. Celah itu menikah. Nampak tidak benda ini? Menikah Abdullah dengan Puteri Saadong di Kota Jelasing. Menikah lah *powkito nikoh loni lah* [macam kita berkahwin sekarang lah]. Didapati tahu raja Siam Ayothia Phiakalahung serang *lalah* [serta merta]. Itu sejarah adik *tuh* [nya]. Serang masuk serang perang terus perang *gak* [nya] apabila perang bergulingan mayat mati *gapo* [apa] begini Saadong mari mati begini, Saadong pun masuk menghadap abang dia Abdullah hendak serah diri. Jawab *tuh* [nya] Abdullah, Pak Nik berdialog “*Tok soh seroh diri lah, maklonglah* [tidak perlu menyerah diri lah, maklumlah]”, Pak Nik berdialog “*Tidok apo abe* [tidak apa abang]”. Walaupun *dia* [Puteri Saadong] serah diri pun, badan dia tidak akan binasa. Jadi Abdullah pun *tokse bui* [tidak mahu kasi]. Main *bini* [isteri]. *Dia*

hendak serah diri ke Raja Siam lah. Sebenarnya hakikat Saadong hendak serah diri itu, *dia* [Puteri Saadong] *tera jadi* [cuba] tengok *hok* [yang] rakyat dia mati. Rakyat mati bergulingan nya *tok jadi ngelih* [tidak mahu lihat] rakyat mati. Baik serah diri itu aman lah. Jadi Abdullah pun *benar* [merestui], *benar pun* [merestui pun] Saadong pun turun. *Tubek* [keluar] istana itu terus dia paling ke arah *jale pade* [jalan padang] sebab itu *key dok* [kan]. Serah diri lah. Jadi *tehe* [bertahan] lah maknanya. Hulubalang Siam berhenti perang ambil Saadong bawa *kelik alek* [balik ke] Siam lah. Sejarah dia itu.

AS : Ada ura-ura mengatakan Puteri Saadong pergi ke Aceh, betul ke?

PNM : Adik jangan dengar orang. Percayalah. Apabila begitu bawa balik *alek* [ke] Siam ini adik – *dua belas* [12] tahun adik. Bukan *dua* [2] tahun. *Dua belas* [12] *duk* [berada] di Raja Siam. Hendak *cuwek* [sentuh] tidak boleh, hendak baham punggung tidak boleh maknanya. Hendak *jamoh kopek* [sentuh payu dara] tidak boleh contoh begitu lah. Hendak *oyak cerito biya dok* [beritahu cerita tidak apa lah kan]. Jadi tersalah pegang. Ayothia ini tersalah sentuh Saadong, buruk habis. Buruk lah. Sultan Siam ini buruk. Dia berpenyakit. Dalam celah-celah penyakit itu, kalau kita wayang kulit lah ini. Ringkas cerita potong hikayat dahulu Saadong *duk main deruh* [berada di sana]. *Dumoh* [Rumah] ini Abdullah *nikoh* [berkahwin] lah dengan nama Rokiah. Rokiah ini anak Tok Penghulu di Kota Jelasing. *Nikoh lah* [berkahwinlah]. Jadi malam dia bersanding atas macam kita bersanding *loni* [sekarang] lah. Kita ringkas *hok sanding dahulu* [yang bersanding dahulu] hendak suruh faham. Saadong ini apabila sultan buruk habis tangan, kaki tangan buruk habis rupa *habih licing* [seluruh]. *Habih bomoh habih ubak* [sudah berbomoh sudah berubat], *habih* [sudah] Tok Bomoh, Tok Dukung,

habis ubat, *habih gapo* [semua sudah] *ko loni gak habih daun ketong paka daun ketong tule habih contoh dok* [sekarangnya habis daun ketum paka, daun ketum tulang contohnya]. Panggil *tok cha* [sami Siam] pakaian kuning, *tok cha* [sami Siam] *la deh* [lah kan]. Panggil *tok cha* [sami Siam] itu, apa erti dia penyakit? Dia *bukok surak nujum akong besoro dio tuh* [buka surat jampi sami itu] dia baca lah. Pak Nik Mat berdialog “Ampun tuanku patik, dia kata, tuanku ini ubat tuanku *so karo, hoh lagumano*, [satu perkara, macam mana itu]? Orang lain tidak boleh berubat selain daripada Saadong boleh berubat tuanku, kalau tidak, *tok siya* [tidak sembuh] sampai bila-bila”. Jadi Sultan PiyaKalahung ini sujud meniaraplah. Pak Nik Mat berdialog “Tolong lah Saadong” begini, jawab kata Saadong, kita ringkas-ringkas *oyak dok* [ceritakan]. Pak Nik Mat berdialog “ Kalau hendak suruh *siya* [sembuh] pun boleh, bukan tidak boleh, tetapi syarat ada janji lah”, apabila *siya* [sembuh] tuanku ini maknanya boleh hantar balik dia. *Lagutu* [macam itu] janji dia. Jadi Ayothia kata, Pak Nik Mat berdialog “*Takdok masalah* [tiada masalah]” *hok* [yang] soal janjinya dia patuh janji. *Dio* [Puteri Saadong] buat air tawar adik hendak tahu dengan *gapo* [apa]? Dengan kaki buat air tawar. Dia hendak marah dia celup kaki. Dia suruh *hok* [yang] bendahari kita kata *bodyguard* [pengawal peribadi] lah pergi ambil *batey* [bekas]. *Batey* [bekas] ini kalau zaman dahulu ada *batey* [bekas] kalau zaman *loni* [sekarang] tidak ada dah, *loni* [sekarang] tapuwe *tok tehe lah* [bekas lah]. Orang zaman dahulu *batey emas batey perok takpo dahulu* [bekas emas bekas perak sahaja zaman dahulu]. *Dia* [Puteri Saadong] pun celup kaki dia dalam *batey* [bekas]. Buat air tawar lah kalau kita zaman *loni siup* [sekarang tiup], dia celup kaki. *Retik* [renjis] atas tubuh badan sultan, *siya* [pulih], *kering garing siya* [pulih sepenuhnya]. Lalu itu lah *dia mari* [Sultan Ayothia datang] hantar melalui

Kuala Senok [Kelantan] ini kan. Ini Sejarah adik. *Kuala Senok Sabak* [Bachok, Kelantan]. Dekat lah sini [rumah Pak Nik Mat] nya. *Doh maso tu adik tahu dok prop, hok ngusung, macey ngusung ore mati tetapi dio bukey lagutu, dio prop comey key, hok rajo duduk hok ore duk usung jame dahulu memey ore keno - - rajo dahulu memey sumo keno piko belako hulubale ni, loni jah Rajo Cik Khalid - -* [pada masa itu, adik kenal *prop*[pengusung], yang mengusung macam mengusung orang mati tetapi bukan macam itu, *prop* [pengusung] ini kemas kan. Yang raja duduk yang orang mengusung zaman dahulu memang orang kene - - raja dahulu memang semua hulubalang kene usung, sekarang sahaja Raja Cik Khalid] - - . Betul ke tidak adik? Jadi hantar kapal *kok* [melalui] laut, hantar bunga emas, bunga perak *kok* [melalui] laut ini kan. *Demo tu hulubalang siye ni dok piko* [mereka hulubalang Siam ini mengusung] Puteri Saadong melalui *Kuala Senok* [Kelantan] sampai ke Kota Jelasin. Usung lah raja kalau orang tidak usung zaman dahulu *dok* [kan], dia panggil *prop* [pengusung] itu. Sampai pintu istana itu, riuh gemuruh. *Duk* [tengah] bermain *Asik* [tarian Asyik] menari *pulop* [pula]. *Bakpo* [kenapa] menari? Menikah *sakni lah* [perkahwinan tadi lah]. *Dio* [Raja Abdullah] menikah dengan Rokiah malam itu dia bersanding. Jadi *Asik* [tarian Asyik] *duk* [tengah] bermain *ting ting ting* [muzik tarian Asyik] *duk main nari mugo- - dio asik ni istana key mugo loni pun ado key tarian Asik ni istano lah* [tengah bermain tarian sebab - - tarian Asyik ini istana kan sebab sekarang pun masih ada kan tarian Asyik di istana]. *Dio* [Puteri Saadong] masuk dalam istana itu, Saadong lah ini, duduk tercegat, Pak Nik Mat berdialog “Berhenti!” dia suruh berhenti *Asik* [tarian Asyik] ini. Jadi puak ini berpaling pun *kenoko dio* [tengok ke arah Puteri Saadong]. *Keno dio pun, asik pun menerak blako lah napok dok ni?* [Nampak Puteri Saadong pun, penari

Asyik ini pun meniarap belaka lah, Nampak ke tidak ini?]. Meniarap, semboh begitu puak Asyik (Pak Nik menunjukkan gaya sembah). Dia Rokiah dengan Abdullah duduk bersanding di atas takhta sana *key dok* [kan] terkejut lah *napok dok?* [Nampak kan]. Jadi Raja Rahim adik Raja Abdullah, *bekeng siket* [garang sedikit]. Pak Nik Mat berdialog “*Cis Saadong, mu balik buat gapo? Saadong pun tubbek, dia kata kanda Abdullah, tok sekkor kanda Abdullah, kata Raja Rahim, tok sekkor gapo? Mu tinggal gi bertahun-tahun g nga ore lah dok, pahtu tok key tok bini makno gitu, kata Saadong, betul aku gi di negaro siye duo belah tahun, tetapi bade aku tok binaso pohon celaka tidak ake gugur, Rahim kata, kucing nga ike tawar. Abdullah! Kucing ike tawar, rukuk saji dio sodok lagi dio kato, ini key manusio dio kato ko Saadong, Rahim, [Cis Saadong, engkau balik buat apa? Saadong keluar, dia berkata kepada Abdullah, tidak sangka kanda Abdullah, kata Raja Rahim, tidak sangka apa? Engkau pergi meninggalkan bertahun-tahun pergi dengan orang kan, selepas itu mustahil tidak berkahwin? Maknanya macam begitu, kata Saadong, betul aku pergi di negara Siam dua belas [12] tahun tetapi vadan aku tidak binasa, pohon celaka tidak akan gugur, Rahim berkata, kucing dengan ikan tawar. Abdullah! Kucing ikan tawar, alas saji disodok lagi. Kata Rahim. Ini kan manusia. Kata Rahim kepada Saadong. Jadi perang ini kerana Rahim. Jadi Siti Rokiah anak Tok Penghulu ini pun *hungga* [berlari]. Pak Nik Mat berdialog, “*Hungga gi* [berlari pergi] bunuh lah patik, tuanku. *Dio* [Siti Rokiah] suruh Saadong bunuh dia. Patik *tok* [tidak] bersalah tuanku dia kato”. Betul ke tidak? *Berhungga* [berlari] *gi cabut kerih di pingge* [pergi menanggalkan keris di pinggang] Raja Rahim, *mugo*[sebab] Rajo Rahim *duk gini* [berada macam ini], Saadong *duk gini* [berada macam ini], Tok Penghulu *duk situ* [berada disitu], Rokiah *mari gini* [datang macam ini] (Pak*

Nik menunjukkan gaya Raja Rahim, Puteri Saadong, Tok Penghulu dan Siti Rokiah pada masa itu). *Dio pun hungga lah gi ambik kerih di pingge Tok Penghulu tu dio nok gi seroh ko Saadong lah* [Rokiah pun berlari pergi ambil keris di pinggang Tok Penghulu itu, dia hendak pergi menyerahkan kepada Puteri Saadong lah]. *Suruh bunuh lah dia kata. Jadi sama ada Saadong ambil keris hendak bunuh itu, cerita tidak tahu hok tu* [yang itu]. *Dio hungga nok gi ambik kerih, doh bilo dio nok gi seroh kerih, Saadong pun jakkoh nok gi ambik kerih, Raja Rahim pun sembe laluh. Napok dok dio pege tekok Saadong* [Siti Rokiah hendak pergi mengambil keris, apabila dia hendak pergi menyerahkan keris, Puteri Saadong pun melangkah hendak pergi mengambil keris, Raja Rahim pun mematahkan tindakan langkah Puteri Saadong] (Pak Nik Mat menunjukkan gaya Raja Rahim pegang tengkuk Puteri Saadong). *Bilo gomo tu kito nyasar adik pehe dok ni?* [Apabila bergaduh itu kita tidak dapat mengatur langkah faham ke tidak adik?] (Pak Nik Mat membuat bunyi orang jatuh tersentak). Jadi Raja Abdullah *kelih* [lihat] Puteri Saadong hendak rebah ini, dia pergi sambut lah. *Adik kene pehey boleh baye la tu* [faham boleh bayang la itu]. Jadi apabila orang tolak memang *nyasar belako* [semuan tidak dapat mengatur langkah] (Pak Nik Mat membuat bunyi orang tersentak langkah). *Tok key kito tolok tu cek takdok* [tidak akan kita tolok itu dapat mengatur langkah]. Jadi Raja Abdullah takut Puteri Saadong ini rebah dia pun sambut. Hendak sambut itu lah Puteri Saadong nya cabut pemacak sanggul dia *bukey tike, tehey* [bukan tikam, menahan]. *Bukey dio tikey, dok* [bukan dia tikam, tidak]. *Dio cabut tu jadi jak keno dado* [tercabut pemacak sanggul itu jadi tertikam mengenai dada] (Pak Nik Mat menepuk kedua tangan beliau). Di labungan kanan. Labung susu. Bisa pemacak sanggul dia bisa *dok* [kan] *panjey tu pahtu gok mati* [panjang itu

selepas itu kan, mati] (Pak Nik Mat menunjukkan kepanjangan pemacak sanggul dengan tangan). Itu sejarah Saadong.

AH : Boleh Pak Nik cerita kan serba sedikit sejarah Hanuman Kera Putih?

PNM : _ Mas Raja _ buat hikmat. Dia buat hikmat ini *satu* [1] air keruh *satu* [1] air jernih. Makna nya kolam lah, perigi contoh dalam *baruh* [kawasan tanah rendah] kan. Dia buat kolam *satu* [1] air keruh *satu* [1] air jernih hikmat dia itu. Makna nya yang jernih itulah hikmat, yang keruh itulah yang *ori* [asal]. Perbuatan Mas Raja _ . Dia hendak ambil juga Seri Dewi walau macam mana sekali pun. Dia buat tipu muslihat. Jadi sampai di situ, Serama *lapar* [dahaga] air. Bila *lapar* [dahaga] air, dia suruh adik dia pergi cari air laksamana kan. Jadi jawab laksamana, Pak Nik berdialog, “Tidak mengapa lah abang”. Dia pun pergi cari. Dia sudah tahu hikmat ini, dia pun ambil yang keruh bawa balik. Marah lah Serama nya. Laksamana datang hati, datang rasa bagi *make* [minum] air keruh macam ini, macam ini dia tidak percaya dekat laksamana. Pak Nik berdialog, “Bukan abang. Abang tidak boleh minum yang jernih sebab yang jernih mungkin hikmat _ Mas Raja _”, kata laksamana. Serama tidak percaya. Dia pun pergi sendiri ambil air. Dia *make* [minum] yang jernih, _ terus jadi kera. Yang betul ini adik. Dua belas [12] tahun jadi kera. Seri Dewi jadi kera, dia pun jadi kera. Laksamana seorang sahaja yang tidak jadi apa-apa. Jadi bila masuk air seteguk dua [2] air jernih kan, terus jadi kera.

AH : Seri Dewi minum juga?

PNM : Minum. Bila jadi kera *satu* [1] *kelamin* [suami isteri] lompat jadi kera lah faham

kan. Selama *dua belas* [12] tahun. Sebab itu ilmu kata baris laksamana, baris laksamana. Cuba adik pergi tanya orang tua-tua baris laksamana. Sejarah itu lah. Ayat laksamana, baris laksamana. Dia baring di wakaf. Dia takut _ Mas Raja _ ini datang. Jadi laksamana sayang sangat abang dia dengan Seri Dewi hendak buat macam mana. Dia tanam lah jagung. Tanam jagung maknanya keluar jagung dia kera *brehi* [suka] jagung. Dia *mikat* [memikat] lah itu dia pikat abang dia. Dia boleh anak Hanuman masa jadi kera itu lah. Sebab itu lah Hanuman ini rupa kera. Masa duduk lompat (Pak Nik membuat bunyian) jadi kera. Sampai _ itu besar. Dia beranak dalam kera. Emak dia beranak dalam kera. Hanuman Kera Putih yang tadi yang pakai loceng (Pak Nik membuat bunyian loceng). Sebab nya kalau orang tidak tahu sejarah, hendak cakap macam mana? Sebab itu Hanuman ini jadi kera. Serama comel, Seri Dewi comel, kenapa dia kera? Dia beranak masa jadi kera lah. Masa *make* [minum] air jernih perbuatan _ Mas Raja _ tadi jadi kera. Bila jadi kera itu mengandung lah. Sebab kera dapat anak macam sekarang juga. Itu sejarah Hanuman Kera Putih. Selepas itu, *ecer* [tarik] panjang hikayat lah. Selepas itu, pulih _ jadi manusia itu duduk lah dekat wakaf. Wakaf tadi lah. _ Mas Raja _ pun berubah rupa menjadi seekor garuda. Burung garuda. _ Mas Raja _ terbang lah. Dia sempat ambil Seri Dewi bawa lari. Dia pergi dekat bawah patah kaki tadi Pak Nik cerita dah. Baris laksamana faham tidak? Laksamana baris dengan ilmu dia takut ambil Seri Dewi tadi lah. _ Mas Raja _ pun tahu juga sebab sama-sama ada kesaktian. Dia ikut atas hendak patah apa? Tetapi dia burung lah burung garuda. Dia *jeput* [pegang] Seri Dewi ambil bawa lari, lari terbang ke atas. Siapa yang panah? Seri Rama lah yang panah. Panah gerdo. Kena sayap patah sayap. Faham ke tidak? Lama mana hilang Seri Dewi tiada dengan Seri Rama. Bukan main-main sejarah dia ini. Agama agama

